
PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

HARI RABU: 4 MARCH 2009

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 12 HINGGA 76)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 11

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
[BALIK PULAU]

TARIKH : 4 MAC 2009

RUJUKAN : 1547

SOALAN:

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai keputusan meluluskan hukuman sebat terhadap pendatang asing tanpa izin, terutamanya pendatang tanpa izin dari Indonesia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Balik Pulau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hukuman sebat terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah dilaksanakan bermula tahun 2006 selaras dengan penubuhan Mahkamah Khas PATI di Depot-depot Tahanan Sementara Jabatan Imigresen Malaysia. Kerajaan berpendirian hukuman ini merupakan satu langkah yang wajar untuk mengelakkan PATI daripada kembali semula ke Malaysia setelah dihantar pulang ke negara asal. Sebelum hukuman sebat diperkenalkan, Kerajaan menghadapi kesukaran untuk mengawal PATI memandangkan majoriti PATI yang ditangkap dan dihantar pulang akan kembali masuk ke negara ini melalui laluan-laluan yang sukar dikawal seperti jalan laut dan jalan-jalan tikus di sepanjang sempadan Malaysia Timur - Indonesia.

Dengan adanya hukuman ini, Kerajaan telah mewujudkan satu mekanisme kawalan secara psikologi terhadap PATI yang telah dihantar pulang untuk mengelakkan mereka kembali masuk ke negara ini. Hukuman ini juga bukanlah bertujuan merendah-rendahkan status PATI atau menghina mereka, tetapi ianya adalah sebagai salah satu langkah pencegahan yang diambil Kerajaan dalam usaha mengurangkan bilangan PATI di Malaysia dan menyedarkan mereka bahawa kemasukan secara tidak sah adalah melanggar undang-undang Malaysia.

NO: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK JUSLIE BIN AJIROL**
		(LIBARAN)
TARIKH	:	**04. 03. 2009**
NO. SOALAN	:	**13**

DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh mana peniaga-peniaga menyokong usaha Kerajaan dalam menurunkan harga barangan runcit sebagai satu tanggungjawab sosial kepada orang ramai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Semenjak Kempen ini dilancarkan tahun lepas bermula pada 24 Oktober 2008, Kementerian mendapat sambutan yang amat baik daripada pelbagai pihak dan dijalankan dengan komitmen daripada pasaraya besar asing dan tempatan seperti Giant, Tesco, Mydin, Carrefour, Jusco dan The Store. Kempen ini juga mendapat sambutan baik daripada beberapa pasaraya tempatan seperti UO Superstore, Sunshine, Evonsave, Tunas Manja, TF Value dan sebagainya. Bagi tahun 2008, sebanyak 53 organisasi/syarikat/persatuan bersama 895 cawangan telah menyertai kempen ini.

Kempen ini diteruskan untuk tahun 2009 dan sehingga 24 Mac 2009 sebanyak 7 organisasi/syarikat/persatuan bersama 121 cawangan telah menjayakan kempen ini. Secara keseluruhannya jumlah produk yang terlibat dalam kempen ini ditawarkan oleh setiap pihak terlibat adalah di antara 58 hingga 2120 produk. Jumlah potongan yang diberikan pula di antara 5% hingga 50%.

NO : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

TARIKH : 4 MAC 2009 (RABU)

SOALAN : NO. 14

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang diambil masuk ke universiti awam mengikut komposisi kaum serta jurusan yang ditawarkan kepada mereka pada sesi pengambilan Januari 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak menguruskan pengambilan pelajar ke universiti awam untuk sesi Januari 2009 seperti mana yang dilaksanakan bagi pengambilan bulan Julai setiap tahun. Kementerian telah menurunkan kuasa kepada universiti awam yang ingin membuat pengambilan pelajar bagi ambilan semester kedua pada setiap bulan Disember.

Daripada 20 buah universiti awam, hanya 5 universiti sahaja yang menawarkan program untuk ambilan semester kedua bagi tujuan menampung kekurangan pelajar dalam bidang pengajian tertentu. Universiti yang terlibat akan memaklumkan perkara ini kepada orang

ramai melalui iklan yang disiarkan di dalam akhbar tempatan. Bilangan pelajar yang ditawarkan ke program bagi ambilan semester kedua mengikut universiti ialah:

i. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) seramai 88 orang pelajar;
ii. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) seramai 427 orang pelajar;
iii. Universiti Malaya (UM) seramai 55 orang pelajar;
iv. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) seramai 427 orang pelajar; dan
v. Universiti Utara Malaysia (UUM) seramai 266 pelajar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK LEE CHEE LEONG
(KAMPAR)

SOALAN NO 15:

Datuk Lee Chee Leong (Kampar) minta **Menteri Belia dan Sukan** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah Mat Rempit yang semakin berleluasa di negara ini.

JAWAPAN

1. Bagi menangani masalah sosial berkaitan Mat Rempit untuk jangka masa panjang, pihak kementerian secara berterusan merancang serta melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sukan termasuklah program-program sukan bermotor yang di laksanakan dengan kerjasama kelab dan persatuan sukan bermotor di seluruh negara di sepanjang tahun sebagai salah satu kaedah untuk menarik minat penyertaan golongan remaja dan belia terutamanya belia Mat Rempit.

2. Antara program serta aktiviti sukan bermotor yang dimaksudkan ialah pelbagai klinik, kursus, program mari mencuba serta kejohanan-kejohanan tempatan sukan bermotor seperti cubcross, motocross, moto-x, cub prix, skuter prix, program go-kart, sukan drag, program mini bike, sukan drift, program 4x4, ralli, konvoi kebajikan, pertandingan motor dan kereta cantik (autoshow) serta pelbagai mini pertandingan yang melibatkan sesi teknikal seperti kecekapan mengawal kenderaan serta penyelenggaraan.

3. Melalui program-program tersebut, kementerian berharap untuk dapat menghimpunkan golongan belia ini bagi memberi pendedahan tentang informasi

sukan bermotor terkini dan yang paling utama ialah bagi memberi penerangan serta penjelasan tentang betapa pentingnya bagi mereka untuk menerapkan disiplin diri yang tinggi serta sikap profesionalisme dalam diri mereka, iaitu untuk berlumba dan melakukan aksi 'stunt' di tempat yang sepatutnya iaitu di litar dan bukannya di atas jalan raya. Mereka juga akan diberi penerangan agar lebih bertanggungjawab terhadap keselamatan diri mereka sendiri serta orang lain tidak kira sama ada semasa berlumba di litar atau semasa di jalan raya.

4. Melalui program-program ini juga kementerian mendapat kerjasama dari agensi kerajaan yang berkaitan bagi slot pameran keselamatan jalan raya, bahaya dadah & alkohol serta sesi penerapan nilai jati diri, cintakan negara, unsur-unsur kerohanian mengikut kesesuaian program yang di laksanakan.

5. Kaedah melalui program-program ini walaupun mungkin akan mengambil masa bagi mendidik serta mengubah sikap negatif di kalangan belia bermasalah seperti Mat Rempit, namun ianya harus dilaksanakan secara berterusan dan konsisten. Memandangkan kebanyakan golongan belia meminati sukan bermotor, maka program-program sukan bermotor harus dijadikan salah satu 'tools' atau alat bagi menarik minat mereka untuk menyertai program-program anjuran Kerajaan dalam mendidik mereka.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **04.03.2009**

SOALAN NO : **16**

Tuan Manikavasagam a/l Sundaram (Kapar) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah yang diperuntukkan sumbangan Kerajaan Malaysia untuk pembinaan AIMST (Asian Institute of Medical and Technology) di mana kedua-duanya dimiliki oleh Malaysian Indian Congress (MIC). Nyatakan juga jumlah peruntukan kepada universiti-universiti milik parti Gerakan serta parti MCA.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah yang telah disumbangkan oleh Kerajaan untuk pembinaan Asian Institute of Medical and Technology (AIMST) ialah RM260,165,989.66. Manakala tiada sumbangan Kerajaan untuk pembinaan universiti-universiti milik parti Gerakan dan parti MCA. Walau bagaimanapun, Kerajaan ada menyumbang bantuan kewangan sebanyak RM20,000,000.00 untuk membiayai pembangunan dan operasi Universiti Terbuka Wawasan (WOU) dan Tabung Biasiswa Canselor WOU melalui Yayasan Pendidikan Wawasan. Selain daripada itu, Kolej Tunku Abdul Rahman diberi peruntukan 50% dari kos operasi setiap tahun mulai tahun 2001.

Soalan No: 17

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHD SAID
(KUALA KRAU)

TARIKH : 04.03.09

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan apakah bentuk program dan peruntukan khusus yang disediakan bagi meningkatkan taraf wanita masyarakat Orang Asli.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli(JHEOA) sentiasa melibatkan kaum wanita dalam pelbagai program Jabatan mahupun program yang melibatkan agensi lain. Program yang melibatkan wanita masyarakat Orang Asli secara langsung adalah seperti berikut:-

1. Program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga(PKK).

2. Program Penggalak Pembaca.

3. Kursus Pembuat Pakaian Wanita Tahap 1

Peruntukan khusus untuk program wanita Orang Asli ialah sebanyak RM685,000 yang melibatkan seramai 1,364 orang wanita. Walaupun terdapat peruntukan yang khusus disediakan, mereka juga turut menikmati faedah dari projek dan program pembangunan Jabatan dalam RMK 9 yang berjumlah RM377 juta, disamping itu dalam tahun 2009 wanita Orang Asli juga menerima faedah Pakej Ransangan yang diterima oleh Jabatan sebanyak RM90 juta meliputi bantuan rumah dan projek ameneti sosial.

Soalan No : 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)**

TARIKH : **04.03.2009**

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu (6-17 Jan) Kerajaan memberi banyak bantuan kepada SJK(C) yang dikatakan daif. Adakah bantuan sama ada di beri kepada SJK(C) yang lebih daif di kawasan lain seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah. Agenda utama Kerajaan adalah untuk membangunkan pendidikan negara secara menyeluruh; merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid; memperbaiki sekolah daif, serta memberi akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan yang diberikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) adalah secara menyeluruh melibatkan SJKC di seluruh negara dan tidak terhad kepada SJKC di Kuala Terengganu sahaja.

Di bawah Pakej Rangsangan Memperkukuhkan Daya Tahan Ekonomi Negara 2009, SJKC di bawah kategori Sekolah Bantuan Kerajaan diberi peruntukan sebanyak RM50 juta bagi pelaksanaan projek-projek kecil serta pembelian harta modal (perabot sekolah dan sebagainya).

Rjm 57

NS : 19

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ (SRI GADING)

TARIKH : 4 MAC 2009 (RABU)

NO. SOALAN : 19

Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIIZ minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan adakah diwujudkan jalinan kerjasama di antara Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan mana-mana pihak berkaitan seperti syarikat muzik, filem dan NGO sebagai jaminan atau peluang kerjaya kepada graduan ASWARA.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) telah mengwujudkan jalinan kerjasama melalui RAKAN ASWARA dengan pihak-pihak berkaitan seperti sektor korporat, akademik, NGO, GLC dan lain-lain di dalam dan luar negara. Hubungan kerjasama ini terjalin melalui Memorandum Persefahaman (MOU), pertukaran tenaga akademik, pelajar dan pensyarah, seminar, bengkel, persidangan, panel penilai luar (External Examiner), penganjuran bersama produksi dan lain-lain.

Jalinan kerjasama dalam negara dibuat bersama Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi pengukuhan tenaga akademik dan pembelajaran. Kerjasama dengan pihak Petronas,

Klasik Nasional (RTM), NGO seperti Majlis Muzik Malaysia (MMM), Karyawan, Malaysian Association for Music Education (MAME), Majlis Perundingan Industri Hiburan dan Kesenian Tanah Air (MAHKOTA) dan beberapa lagi dijalinkan melalui penganjuran program dengan melibatkan pelajar, graduan ASWARA dan penggiat industri.

Sementara itu diperingkat antarabangsa ASWARA menjalinkan hubungan kerjasama dengan beberapa IPT Seni seperti Institut Seni Indonesia (ISI), Cornell University dan University of California di Amerika Syarikat, Korea National University of The Arts (KNUA) di Korea Selatan, Middlesex University dan Goldsmiths University of London di United Kingdom, Alliance Francaise, Pusat Penyelidikan Jarak Jauh (EFEO), Goethe Institute, Japan Foundation, Japan International

Cooperation Agency (JICA), John F. Kennedy Center for Peroming Arts, Washington DC dan lain-lain lagi.

Melalui kerjasama ini ASWARA telah berjaya memberi pendedahan dan ruang kepada graduan ASWARA untuk berkarya dan mempromosikan hasil seni mereka serta membuat persiapan dalam menempuh alam pekerjaan kelak. Mereka juga berjaya mencipta nama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui kerjasama ini.

Usaha mempertingkatkan kerjasama dan perkongsian pintar sebegini akan terus dilaksanakan sebagai langkah ASWARA mempromosikan bakat dan karya kreatif graduan ASWARA. Ini terbukti apabila graduan ASWARA diterima dengan baik dalam memenuhi dan mewarnai pasaran industri seni negara dan antarabangsa.

No. Soalan : 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [JASIN]

TARIKH : 4 MAC 2009 (Rabu)

SOALAN :

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyerap pekerja-pekerja berstatus kontrak/sementara/sambilan yang berkelayakan, yang sesetengahnya telah lama berkhidmat di dalam perkhidmatan awam memandangkan krisis kelembapan ekonomi dunia sekarang ini.

JAWAPAN: YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Penyerapan pegawai-pegawai kontrak/sementara/ sambilan ke perkhidmatan awam perlu melalui proses yang dilalui juga oleh lain-lain calon untuk pelantikan ke perkhidmatan awam. Mereka perlulah memenuhi syarat-syarat lantikan seperti ditetapkan oleh skim-skim perkhidmatan yang berkaitan.

Pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diperoleh semasa berkhidmat dalam perkhidmatan kontrak, sementara atau sambilan merupakan suatu kelebihan kepada mereka terutamanya dalam urusan tapisan pengambilan bagi tujuan pelantikan tetap, untuk bersaing dengan calon-calon lain yang tidak pernah berkhidmat dengan Kerajaan.

SOALAN NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' DR. JAMES DAWOS

TARIKH: 4 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. DATO' DR. JAMES DAWOS [Mambong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan terkini pekerja warga Malaysia dan asing yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan masing-masing. Sektor manakah yang paling terjejas dalam keadaan kemelesetan ekonomi global.

PR-1221-L18232

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dari awal lagi dunia diramal berhadapan dengan kemelesetan ekonomi pada 2009. Krisis yang dihadapi institusi kewangan dan perbankan Amerika Syarikat serta Eropah telah mengheret bersama ekonomi dunia ke kancah masalah.

Kesannya turut dirasai di Malaysia, apabila syarikat tempatan dan antarabangsa yang beroperasi di negara ini mula berkira-kira untuk mengecilkan operasi mereka. Permintaan global yang semakin berkurang ekoran krisis ekonomi tersebut menyebabkan pengilang terutamanya, terpaksa mengecilkan saiz perniagaan mereka. Apabila saiz perniagaan dikecilkan ia pasti akan membabitkan pemberhentian dan pengurangan jumlah pekerja.

Sehingga 28 Februari 2009, jumlah pemberhentian yang dicatatkan adalah seramai 23,079 orang di mana seramai 16,271 adalah terdiri daripada pekerja tempatan dan seramai 5,808 adalah pekerja asing.

Dalam tahun 2009 dianggarkan seramai lebih 40,000 orang warga Malaysia akan kehilangan pekerjaan. Sektor yang paling banyak menerima kesan dan memberhentikan pekerja ialah Sektor Pembuatan, khususnya subsektor Elektrik dan Elektronik, Tekstil dan Pakaian.

SOALAN TAMBAHAN (1)

Apakah cadangan-cadangan spesifik untuk mengendalikan masalah kerja untuk pekerja-pekerja Malaysia apabila berlakunya suatu kegawatan ekonomi.

Jawapan

Sejak dulu lagi Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah menjalankan fungsinya untuk menjaga kebajikan dan hak-hak pekerja terutamanya apabila berlakunya pemberhentian semasa berlakunya kegawatan ekonomi. Kegawatan ekonomi menyebabkan perniagaan terjejas dan ini menjurus sesebuah syarikat tersebut untuk mengurangkan pekerja atau terus menutup operasi. Majikan yang ingin menutup operasi sekali gus mengurangkan pekerja, diwajibkan untuk memaklumkan pemberhentian tersebut kepada JTK. Mana-mana majikan yang gagal untuk memaklumkan pemberhentian pekerja 30 hari sebelum aktiviti tersebut dilaksanakan adalah melakukan satu kesalahan mengikut Seksyen 63, Akta Kerja 1955, dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 untuk setiap satu kesalahan. Walau bagaimana pun, KSM tidak hanya bergantung pada majikan sahaja, pihak media merupakan salah satu sumber utama kepada isu pemberhentian. Setiap pemberhentian yang dilaporkan melalui media, JTK melalui Skuad Khidmat Cepat (SKC) yang diketuai oleh Pengarah JTK Negeri atau Ketua Pejabat akan melakukan siasatan terhadap laporan yang diterima.

Semasa siasatan dilakukan, pemeriksaan secara menyeluruh dilakukan bagi memastikan hak-hak pekerja dibela. Di samping berjumpa dengan majikan, perjumpaan bersama pekerja juga dilakukan. Satu taklimat juga diadakan untuk memaklumkan tentang hak-hak pekerja serta memastikan faedah-faedah statutori pekerja dibayar kepada pekerja di mana kaedah pembayarannya dibuat secara bertulis. Usaha ini membantu meredakan keresahan serta memberi

peluang kepada pekerja untuk mendapat penjelasan tentang hak-hak mereka mengikut undang-undang.

Tuan Yang Di Pertua

Selain itu, JTK juga memberi bantuan iaitu dengan membuat penempatan semula kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan. Tujuannya adalah bagi memastikan pekerja tersebut mendapat pekerjaan baru untuk meringankan beban yang ditanggung oleh mereka kerana kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan.

SOALAN TAMBAHAN (2)

Data pemberhentian (pemberhentian tetap dan sukarela) bagi suku keempat tahun 2008 iaitu mulai 1/10/2008 hingga 31/12/2008 ialah sejumlah 296 majikan melakukan pembehentian yang melibatkan seramai 9055 orang pekerja. Daripada jumlah ini 7654 adalah pekerja tempatan dan 1401 adalah pekerja asing

Bilangan pekerja tertinggi yang terlibat didalam pemberhentian ialah negeri Johor iaitu seramai 1809 orang yang mewakili 1400 pekerja tempatan dan 409 pekerja asing.

Diikuti dengan negeri Sarawak iaitu seramai 1707 orang yang diberhentikan, daripada jumlah itu seramai 1657 pekerja tempatan dan 50 pekerja asing terlibat.

Sektor tertinggi yang melakukan pemberhentian ialah sektor pembuatan yang melibatkan 253 majikan dan seramai 6254 orang pekerja. Jumlah pekerja tempatan yang terbabit ialah 4917 dan pekerja asing seramai 1337.

Pemberhentian Bagi Tempoh 1 Oktober 2008 Hingga 31 Disember 2008
Mengikut Negeri

NEGERI	PEMBERHENTIAN		
	TEMPATAN	ASING	JUMLAH
JOHOR	1,400	409	1,809
KEDAH	158	108	266
KELANTAN	44	0	44
MELAKA	896	577	1,473
NEGERI SEMBILAN	141	40	181
PAHANG	87	0	87
PULAU PINANG	1,083	95	1,178
PERAK	212	24	236
PERLIS	236	0	236
SELANGOR	943	67	1,010
TERENGGANU	52	0	52
KUALA LUMPUR	719	15	734
SABAH	26	16	42
SARAWAK	1,657	50	1,707
JUMLAH	7,654	1,401	9,055

Pemberhentian Bagi Tempoh 1 Oktober 2008 Hingga 31 Disember 2008
Mengikut Sektor

KOD	SEKTOR	PEMBERHENTIAN		
		TEMPATAN	ASING	KESELURUHAN
A	PERTANIAN, PEMBURUAN DAN PERHUTANAN	309	6	315
C	PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN	35	0	35
D	PEMBUATAN	4,917	1,337	6,254
F	PEMBINAAN	125	0	125
G	PERDAGANGAN JUAL BORONG DAN JUAL RUNCIT;KENDERAAN BERMOTOR,MOTOSIKAL,BARANGAN PERSENDIRIAN,ISI RUMAH	514	12	526
H	HOTEL DAN RESTORAN	649	12	661
I	PENGANGKUTAN, PENYIMPANAN DAN KOMUNIKASI	159	0	159
J	KEWANGAN	111	0	111
K	AKTIVITI HARTANAH,PENYEWAAN DAN PERNIAGAAN	629	34	663
L	PENTADBIRAN DAN PERTAHANAN AWAM; KESELAMATAN DAN SOCIAL WAJIB	25	0	25
M	PENDIDIKAN	9	0	9
O	AKTIVITI PERKHIDMATAN KOMUNITI,SOSIAL DAN PERSENDIRIAN LAIN	172	0	172
JUMLAH		7,654	1,401	9,055

SOALAN NO: 22

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 4 MAC 2009

RUJUKAN : 1543

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab mengapa pihak polis gagal mengawal kadar jenayah yang semakin mendadak lima tahun kebelakangan ini dan apakah tindakan yang telah diambil untuk meyakinkan rakyat Malaysia, para pelancong dan pelabur bahawa negara ini memang selamat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, di antara faktor-faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada peningkatan jenayah di negara ini ialah pertambahan penduduk yang tinggi di mana secara purata, pertambahan penduduk di Malaysia dianggarkan sebanyak 500,000 orang setahun. Sedikit sebanyak, faktor ini turut menyumbang kepada masalah sosial dan kadar peningkatan jenayah. Selain itu, tahap kesedaran, keprihatinan serta pengetahuan rakyat mengenai hak-hak mereka untuk melaporkan kepada pihak polis sekiranya berlaku jenayah terhadap diri atau di kawasan mereka turut menyebabkan jumlah report menjadi meningkat. Pihak polis mengalu-alukan mana-mana pihak yang menjadi mangsa perlakuan jenayah untuk tampil membuat laporan polis. Faktor kepesatan pembangunan dan penduduk di Malaysia menyebabkan kekuatan pasukan polis tidak seimbang. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, Kerajaan telah meluluskan penambahan keanggotaan sebanyak 60,000 orang yang dijangka akan dicapai menjelang tahun 2011 atau 2112.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai langkah proaktif, PDRM kini sedang berusaha untuk membangunkan projek Central Intelligence Unit (CIU) yang bakal berfungsi sebagai gerbang maklumat bagi memantapkan mutu penyiasatan serta risikan. Ini bersesuaian dengan perkembangan tread dan modus operandi jenayah yang semakin kompleks dan sophisticated. Projek ini telah diluluskan di bawah PS5T (Pelan Strategik 5 Tahun) yang diberi nama e-Police solution dan masih menanti peringkat pelaksanaan.

Tuan Yang Dipertua,

Satu Jawatankuasa Memerangi Jenayah yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara dan ahlinya terdiri daripada kesemua Pengarah Jabatan PDRM dan Ketua-Ketua Polis Negeri telah ditubuhkan untuk mengatasi masalah peningkatan kadar jenayah secara khusus di samping tindakan dan pencegahan secara menyeluruh.

Penggunaan konsep Blue Ocean Strategy dalam pencegahan jenayah juga diperkenalkan sebagai penambahbaikan kepada strategi yang dilaksanakan. Jawatankuasa ini akan bersidang sebulan sekali bagi tujuan memantau program-program yang dilaksanakan dan juga mendapatkan maklum balas daripada ahli-ahli.

Penumpuan diberikan kepada 4 negeri iaitu Kuala Lumpur, Perak (ipoh), Johor (Johor Bahru) dan Pulau Pinang. Berikut adalah usaha

Bagi memastikan kadar jenayah dapat diturunkan dari masa ke semasa:-

1. Mempertingkatkan Operasi yang Teratur (Organised Operation). Program ini terbahagi kepada 3 peringkat:

   a) Operasi Dalaman (Internal Operation) terhadap pusat-pusat hiburan, kawasan-kawasan tertentu, rumah-rumah kongsi dan pendatang asing;

   b) Operasi khusus terhadap jenayah tertentu seperti curi motosikal, curi kenderaan, kegiatan mat rempit dan pecah rumah; dan

   c) Operasi bersama (Integrated Operation) yang melibatkan lain-lain Jabatan kerajaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Kastam, RELA, Pihak Berkuasa Tempatan, AADK dan sebagainya dalam operasi tersebut, PDRM memainkan peranan sebagai 'leading agency'.

2. Mempertingkatkan kehadiran pihak polis (police omnipresence) di kawasan tumpuan ramai bagi mencegah berlakunya jenayah;

3. Memperkasakan lagi Unit Pelancong yang sedia ada melalui penambahan anggota dan tugas yang lebih berkesan;

4. Menggunakan pasukan bantuan dari Pasukan Gerakan Am, Pasukan Simpanan Persekutuan, Pasukan Gerakan Marin dalam membantu operasi Pencegahan Jenayah;

5. Task force diwujudkan dengan tujuan pengkhususan dalam membanteras jenayah-jenayah tertentu yang dikenalpasti sebagai penyumbang utama jenayah:

6. Meningkatkan program bersama rakyat seperti dialog,seminar,perjumpaan,ceramah dan Rakan Cop:

7. Sebagai tindakan lankah jangka masa panjang, pendidikan kepada generasi muda diberi penekanan dengan memperbanyakkan lagi program yang dijalankan dengan kerjasama Jabatan pendidikan:

8. Mengadakan mesyuarat projek bagi semua kes-kes jenayah yang berprofil tinggi dan menarik perhatian supaya tindakan dapat diambil dengan cepat dan professional ; dan

9. Aggresif Policing melalui:

   i) Operasi ke atas pusat-pusat hiburan; dan

   ii) Mendakwa dalam masa 7 hari selepas tangkapan yang positif;

NO:23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN WILLIAM @NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : 4 MAC 2009 (RABU)

SOALAN : NO. 23

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apabila bekalan air paip graviti dibina dengan membuat empangan ulu-ulu sungai, adakah Jabatan Kesihatan memohon atau memaklumkan Kerajaan Negeri tentang kedudukan 'water catchment' untuk mengelakkan ianya di ceroboh.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi pertanyaan ini, Kementerian akan menjawab bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak memandangkan perkara berkaitan air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sepenuhnya. Berdasarkan maklumat yang diterima, pada masa ini, Jabatan Kesihatan Sarawak sedang dalam peringkat mengenal pasti dan mengesan kedudukan sempadan kawasan tadahan air paip graviti sedia ada di Negari Sarawak menggunakan kaedah *Geographical Positioning System* (GPS). Data dan maklumat yang diperolehi nanti akan membolehkan kerajaan negeri memantau dan mengawal selia cadangan pembangunan tanah bagi mengesan

sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan pemuliharaan kawasan-kawasan tadahan air paip graviti tersebut.

Selain daripada itu, Jabatan Kesihatan juga ada melaksanakan ujian pemantauan persampelan kualiti air mentah secara berkala di setiap *water intake,* dengan izin. Langkah ini bertujuan memastikan kualiti air mentah mematuhi garis panduan Piawaian *National Water Quality Standards (NDWQSP) (Rev.Dec 2004)* yang ditetapkan. Sekiranya terdapat sebarang pelanggaran dari segi kualiti air mentah, pihak Jabatan Kesihatan akan memaklumkan terus kepada pihak berkuasa berkaitan di Negeri Sarawak untuk mengambil tindakan pembetulan dan penyelesaian sewajarnya.

****

SOALAN NO: 24

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

TARIKH : 4 MAC 2009

RUJUKAN : 1542

SOALAN :

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik indeks jenayah tahun 2006, 2007 dan 2008 mengikut jumlah kes yang dilapor, telah didakwa dan disabitkan. Nyatakan apakah ada ditetapkan satu sasaran sebagai langkah untuk mencapai pengurangan kadar jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang berhormat Batu Gajah Yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, secara keseluruhannya pada tahun 2006 sebanyak 196,780 kes telah dilaporkan pada tahun berkenaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 65,569 kes mempunyai sabitan dan 14,070 kes masih dalam perbicaraan. Bagi tahun 2007, sebanyak 709,582 kes telah dilaporkan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 27,574 kes mempunyai sabitan. Manakala sebanyak 56,740 kes masih dalam perbicaraan. Bagi tahun 2008, jumlah jenayah indeks yang dilaporkan adalah sebanyak 211,645 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28,199 kes mempunyai sabitan dan 31,479 kes masih dalam perbicaraan.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Polis mensasarkan KPI (*Key Performance Index*) ketua Polis Negara untuk mencegah kadar jenayah tidak melebihi 5% dan kadar penyelesaian kes tidak kurang daripada 40% sebagai langkah untuk mencapai pengurangan kadar jenayah.

NO. SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar)**

TARIKH : **4 Mac 2009**

SOALAN: 25

Y.B. Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kenaikan penduduk di setiap negeri sejak kemerdekaan hingga sekarang dan bilangan setiap suku kaum pada masa ini di Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan Banci Penduduk 1957 yang telah dijalankan di Semenanjung Malaysia, bilangan penduduk di **Semenanjung Malaysia** adalah 6.3 juta dan telah meningkat kepada 22.1 juta pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak **15.8 juta**.

Jumlah kenaikan bilangan penduduk bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia semenjak tahun Kemerdekaan 1957 hingga 2008 adalah: **Johor** telah meningkat sebanyak **2.4 juta** iaitu daripada 0.9 juta kepada 3.3 juta, **Kedah 1.3 juta** iaitu daripada 0.7 juta kepada 2 juta, **Kelantan 1.1 juta** iaitu daripada 0.5 juta kepada 1.6 juta, **Melaka 0.5 juta** iaitu daripada 0.3 juta kepada 0.8 juta, **Negeri Sembilan 0.6 juta** iaitu daripada 0.4 juta kepada 1.0 juta, **Pahang 1.2 juta** iaitu daripada 0.3 juta kepada 1.5 juta, **Perak 1.2 juta** iaitu daripada 1.2 juta kepada 2.4 juta, **Perlis 0.1 juta** iaitu daripada 0.1 juta kepada 0.2 juta, **Pulau Pinang 0.9 juta** iaitu daripada 0.6 juta kepada 1.5 juta, **Selangor 4.1 juta** iaitu daripada 1.0 juta kepada 5.1 juta dan **Terengganu 0.8 juta** iaitu daripada 0.3 juta kepada 1.1 juta.

Bagi Sabah dan Sarawak, maklumat yang diperoleh dari Banci Penduduk hanya mulai tahun 1960. Bilangan penduduk **Sabah** adalah 0.5 juta dan telah meningkat kepada 3.1 juta pada tahun 2008 iaitu **kenaikan** sebanyak **2.6 juta**. Bilangan penduduk **Sarawak** pada tahun 1960 adalah 0.7 juta dan telah meningkat kepada 2.4 juta pada tahun 2008 iaitu **kenaikan** sebanyak **1.7 juta**.

Bilangan penduduk **Warganegara Malaysia** di Sabah pada masa kini adalah **2.3 juta** dan **Bukan Warganegara Malaysia 0.8 juta**. Bilangan penduduk **mengikut kaum** di Sabah pula adalah: **Melayu 0.4 juta, Kadazan/Dusun 0.6 juta, Bajau 0.4 juta, Murut 0.1 juta, Bumiputera Lain 0.5 juta, Cina 0.3 juta** dan **Lain-lain 0.1 juta**.

NO : 26

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2009

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	:	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada	:	Datuk Chua Soon Bui [Tawau]
Tarikh Menjawab	:	4 Mac 2009 [Rabu]
Soalan	:	[No. ~~18~~] 26

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan:

i. adakah Kementerian bercadang menyemak semula dasarnya supaya perusahaan kelapa sawit di Sabah tidak dibebankan cukai dua kali iaitu 7.5% cukai jualan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan CESS oleh Kementerian pula; dan

ii. apakah usaha dan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan beban itu, terutama sekali ketika ketidaktentuan ekonomi sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Cukai jualan sebanyak 7.5% yang dikenakan ke atas minyak sawit mentah oleh Kerajaan Negeri Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan negeri berkenaan.

Berhubung dengan beban ses kepada industri sawit, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan mengurangkan kadar ses yang dikenakan sebanyak RM2.00 se tan minyak sawit mentah dari RM15.00 se tan ke RM13.00 se tan.

Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan beban industri sawit serta memperkukuhkan harga minyak termasuk:

i. menghapuskan duti import ke atas tujuh (7) jenis baja yang dikenakan duti import semasa sebanyak 5 peratus;

ii. pelaksanaan Skim Insentif Tanam Semula (SITS 2008) dengan menyediakan insentif sebanyak RM1,000 bagi setiap hektar penebangan pokok sawit melebihi 25 tahun. Bagi maksud ini, dana sebanyak RM200 juta disediakan dengan sasaran penebangan 200,000 hektar;

iii. melaksanakan adunan biodiesel:dan

iv. menggalakkan kepelbagaian aplikasi penggunaan minyak sawit.

NO:27

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK BILLY ABIT JOO
[HULU RAJANG]

TARIKH JAWAPAN : 4 MAC 2009 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 27

SOALAN

Datuk Billy Abit Joo minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah rancangan Malaysia untuk menghasilkan sumber tenaga alternatif yang mencukupi bagi menangani masalah kekurangan sumber-sumber tenaga tradisional seperti arang batu, gas asli dan minyak yang semakin susut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sayaingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan pergantungan kepada bahan-bahan bakar fosil sejak tahun 2000 dengan memperkenalkan Dasar Lima Bahan Api (*Five-Fuel Policy*). Di bawah Dasar ini, sumber Tenaga Boleh Diperbaharu, atau dengan izin, *Renewable Energy* (RE) telah dijadikan sumber tambahan kepada sumber bahan api sedia ada untuk penjanaan tenaga elektrik iaitu minyak, gas, hidro dan arang batu.

Sumber RE yang telah dikenalpasti termasuklah *biomass*, biogas, sisa buangan bandaran (*municipal waste*), tenaga suria dan mini hidro.

Mengikut unjuran oleh *International Energy Agency* (IEA) sehingga tahun 2030, RE hanya akan merupakan 4% daripada jumlah campuran bahan api dunia. Sumber RE hanya akan memainkan peranan untuk menyokong keselamatan tenaga (*energy security*) negara. Oleh itu, sumber RE tidak dapat menggantikan tenaga fosil pada masa ini. Ini disebabkan oleh pelbagai faktor termasuklah kos pembangunan infrastruktur RE yang tinggi berbanding tenaga konvensional, sumber-sumber RE yang terhad mengikut kawasan seperti biomas dan hidro (*site-specific*) serta persekitaran semasa seperti keadaan cuaca dan musim.

Pada bulan Mei 2001, program *Small Renewable Energy Programme* (SREP) telah dilancarkan sebagai salah satu strategi untuk menggalakkan pembangunan projek-projek RE dinegara ini disamping program kerjasama dalam bidang RE dengan Global Environment Facilities – United Nations Development Programme (GEF-UNDP) iaitu Projek *Biomass Power Generation and Cogeneration in Palm Oil Mills* (BioGen) pada tahun 2002 dan Projek *Malaysian Building Integrated Photovoltaic* (MBIPV) pada tahun 2005.

Melalui program-program ini, jumlah kapasiti Tenaga Boleh Diperbaharu yang telah berjaya dilaksanakan untuk menjana elektrik ke sistem grid nasional setakat ini adalah sebanyak 33MW. Pada tahun ini, adalah dijangka bahawa kapasiti tambahan sebanyak 20MW akan dapat diperolehi melalui projek-projek SREP, Biogen dan MBIPV.

Selain itu, terdapat juga usaha untuk menjana elektrik daripada sumber RE untuk kegunaan persendirian dan tidak disambungkan ke sistem grid, khususnya oleh syarikat-syarikat pemprosesan minyak sawit dan pemprosesan kayu balak. Secara keseluruhannya, penjanaan elektrik daripada sumber RE yang tidak disambungkan ke sistem grid (*non-grid connected*) adalah berjumlah lebih kurang 700MW.

Pencapaian yang agak perlahan bagi menjana elektrik daripada sumber RE untuk disambung kepada sistem grid nasional adalah disebabkan oleh pelbagai cabaran yang dihadapi dalam pembangunan projek-projek RE seperti:

(i) kos pembangunan projek-projek RE yang tinggi;

(ii) kekurangan kemudahan pembiayaan kewangan jangka panjang pada kadar yang rendah;

(iii) syarat-syarat serta *condition precedents* yang ketat bagi pembiayaan projek-projek RE; dan

(iv) tarif RE yang difikirkan terlalu rendah dan tidak berdaya maju; dan

(v) kerangka institusi bagi pelaksanaan RE yang *fragmented.*

Sehubungan dengan itu, Kementerian telah melaksanakan kajian bagi merangka cadangan Dasar dan Pelan Tindakan RE bagi menggalakkan pembangunan RE di negara ini. Dasar ini dirangka bagi memacu pembangunan industri RE dengan mengambilkira sumbangannya terhadap keselamatan tenaga (*energy*

security) dalam penjanaan tenaga elektrik. Ia disokong oleh lima (5) teras strategik iaitu (i) meningkatkan penggunaan sumber RE; (ii) memacu pembangunan industri RE; (iii) membangunkan kapasiti sumber manusia; (iv) meningkatkan penyelidikan dan pembangunan teknologi; dan (v) meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai RE.

Melalui Pelan Tindakan yang disediakan, sumbangan RE yang disasarkan di dalam campuran bahan api untuk menjana elektrik adalah sebanyak 975MW (6%), 2,065MW (10%) dan 3,484MW (13%) masing-masing menjelang tahun 2015, 2020 dan 2030. Pada masa kini, cadangan ini telah dimuktamadkan dan ia akan dibawa kepada Mesyuarat Jemaah Menteri untuk dipertimbangkan. Pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan ini adalah dicadangkan untuk dilaksanakan mulai Rancangan Malaysia Ke-10.

****

SOALAN NO: ~~15~~ 28

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]

TARIKH : RABU, 4 MAC 2009

RUJUKAN : 10

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kerajaan akan merombak semula Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020 (KL Draf Plan) memandangkan pelan ini bertentangan dengan *Town and Country Planning (Ammendment)* 2001.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai, Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020 (PTKL 2020) telah **disediakan mengikut peruntukan Seksyen 13 sehingga 18 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [Akta 267].**

Akta 267 yang digunapakai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) ialah suatu Akta untuk membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal dan mengatur perancangan yang teratur dalam WPKL, bagi melevi caj pembangunan, dan bagi maksud-maksud yang berkaitan atau bersampingan dengannya. Akta

267 masih berkuatkuasa di Kuala Lumpur kerana sehingga kini tiada pindaan atau pun pemansuhan telah dibuat kepada Akta tersebut.

Seksyen 13 sehingga 18 Akta 267 adalah diperuntukkan khusus untuk penyediaan PTKL 2020 bagi WPKL. Misalnya Seksyen 13 Akta 267 memperuntukkan perkara-perkara yang perlu dipatuhi dalam penyediaan deraf pelan tempatan dan seksyen 14 pula memperuntukkan publisiti yang perlu dilakukan bagi deraf pelan tempatan.

Oleh yang demikian adalah jelas Akta 267 memperuntukkan prosedur tersendiri akan bagaimana Draf Pelan Tempatan bagi Kuala Lumpur perlu disediakan.

Tambahan pula, Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam (JKPPA) sedang mendengar pandangan dan bantahan awam berkaitan Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DPBRKL2020). Justeru, rombakan semula Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020 seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak perlu kerana proses bagi merealisasikan Pelan Tempatan ini masih lagi belum selesai.

SOALAN NO. 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI (BATANG SADONG)

TARIKH : 4 MAC 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri (Batang Sadong) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menyediakan kemudahan tempat tinggal untuk pesara yang memilih untuk tinggal bersama rakan seusia mereka, berasingan dari keluarga dan mempunyai segala kemudahan yang diperlukan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) secara khusus tidak menyediakan kemudahan tempat tinggal untuk pesara yang tinggal berasingan dari keluarga dan memilih untuk bersama rakan seusia mereka. Walau bagaimanapun, cadangan menyediakan kemudahan tersebut telah diambilkira dalam Draf Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara (PTDWEN) yang sedang disediakan.

Sungguhpun begitu, Kementerian melalui JKM menyediakan dua jenis kemudahan untuk warga emas termasuk pesara iaitu:-

i. Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWE) yang berfungsi untuk memberi kemudahan penjagaan harian kepada warga emas yang tinggal bersendirian di rumah semasa ahli

keluarga atau penjaga keluar bekerja. Pada masa ini terdapat sebanyak 19 buah PJHWE di seluruh negara dengan penglibatan seramai 15,072 orang warga emas (sehingga 31 Disember 2008).

ii. Rumah Seri Kenangan yang berfungsi memberi perlindungan dan penjagaan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Pada masa ini terdapat sebanyak 9 buah Rumah Seri Kenangan (RSK) di seluruh negara dengan jumlah penghuni seramai 1845 orang (sehingga 31 Disember 2008).

SOALAN NO: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TAN SERI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM

TARIKH: 4 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TAN SERI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

(a) berapa ramaikah warga Malaysia yang bakal kehilangan pekerjaan pada tahun 2009 dan apakah sektor atau industri yang paling banyak menerima kesan daripada pemberhentian pekerja; dan

(b) apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Pusat untuk menangani masalah pengangguran yang semakin serius.

PR-1221-L17445

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua

Dalam tahun 2009 dianggarkan seramai lebih 40,000 orang warga Malaysia akan kehilangan pekerjaan. Sektor yang paling banyak menerima kesan dan memberhentikan pekerja ialah Sektor Pembuatan, khususnya subsektor Elektrik dan Elektronik, Tekstil dan Pakaian.

Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil tindakan proaktif bagi menangani isu-isu berhubung masalah pemberhentian kerja dan pengangguran yang dihadapi pada masa ini. Pihak kerajaan sedang melaksanakan langkah-langkah jangka

pendek dan jangka panjang dalam menangani permasalahan ini, antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ialah:

- Menubuhkan Bilik Gerakan

  Sebanyak 80 buah bilik gerakan telah ditubuhkan di seluruh negara bagi mendaftarkan bilangan pekerja yang telah diberhentikan, memaklumkan peluang-peluang pekerjaan sedia ada terutama kepada mereka yang telah diberhentikan kerja. Memantau tanda-tanda awal sebelum pemberhentian seperti pelaksanaan Renti Kerja Sentara *(temporary Layoff)*, potongan gaji dan pengurangan serta pemberhentian kerja lebih masa.

- Melaksanakan Program *Train & Place*

  Program ini membantu pekerja yang diberhentikan dan siswazah menganggur mencari pekerjaan. Di bawah Pakej rangsangan Pertama sebanyak RM220 juta diagihkan kepada KSM, RM100 juta daripadanya untuk melatih pekerja yang telah diberhentikan, RM70 juta untuk melatih siswazah menganggur dan RM50 juta untuk melatih para belia dan beliwanis. Para Pelatih akan dibayar elaun sara hidup RM 500-RM800 sebulan.

- Pengecualian levi Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB)

  Memberi pengecualian levi PSMB selama 6 bulan bagi sektor elektrik dan elektronik dan juga tekstil. Pengecualian ini akan memberikan penjimatan sebanyak RM40 juta dalam bentuk levi yang perlu dibayar kepada PSMB oleh majikan. Subsektor lain juga diberi potongan sebanyak 50%.

- Program Penermpatan Pekerja

  Program ini dilaksanakan 2 kali sebulan di 15 pusat seluruh negara. progran pertama telah dilaksanakan secara serentak di Shah Alam, Selangor, Johor Baru, dan Kota Kinabalu, Sabah pada 28 Februari 2009. Seramai 3,960 orang telah ditawarkan pekerjaan dalam pelbagai kategori jawatan pada proram tersebut.

- Membekukan pengambilan pekerja asing

  Di samping itu, Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan terutamanya subsektor elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian serta subsektor perkhidmatan. Sebagai galakan kepada majikan, kerajaan akan membayar kembali levi kepada majikan bagi tempoh penggajian yang tidak digunakan

SOALAN TAMBAHAN (1)

Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan majikan mematuhi undang-undang yang berkaitan pemberhentian pekerja.

JAWAPAN

Kementerian Sumber Manusia sentiasa memastikan majikan mematuhi semua peraturan berkaitan perberhentian pekerja. Kementerian Sumber Manusia telah menggariskan lankah-langkah yang harus diambil oleh majikan bagi mengelakkan pemberhentian pekerja. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut :-

1. Pengambilan pekerja baru hendaklah dibekukan kecuali bagi bidang-bidang kritikal.

2. Menghadkan kerja lebih masa.

3. Menghadkan kerja pada hari rehat mingguan dan cuti am.

4. Mengurangkan hari-hari bekerja dalam seminggu atau mengurangkan bilangan kerja giliran.

5. Mengurangkan waktu bekerja harian.

6. Mengadakan program latihan semula kepada pekerja.

7. Mengenalpasti kerja-kerja alternative dan pertukaran ke bahagian kerja lain di dalam syarikat yang sama.

8. Melaksanakan pemberhentian kerja secara sentara, misalnya dalam bentuk penutupan sementara dengan menawarkan gaji yang berpatutan dan membantu mereka mendapatkan kerja sementara di tempat lain sehingga operasi dapat diteruskan semula.

9. Pengurangan gaji pekerja yang dibuat secara adil di semua peringkat dan dilaksanakan sebagai langkah akhir selepas langkah-langkah penjimatan kos lain yang sudah dilaksanakan.

10. Sekiranya perlu memberhentikan pekerja, pekerja asing hendaklah diberhentikan terlebih dahulu daripada pekerja tempatan dalam kategori pekerjaan yang sama. *(Foreign Workers First Out)*

11. Melaksanakan skim pemberhentian sukarela;

Jika pemberhentian melibatkan pekerja tempatan, prinsip LIFO *(last in first out)* hendaklah digunakan dalam kategori pekerja yang sama.

SOALAN TAMBAHAN (2)

Apakah hak-hak pekerja yang terlibat dengan pemberhentian menurut Undang-undang atau Akta di Malaysia

JAWAPAN

Hak-Hak Pekerja Di Bawah Akta Kerja 1955

1. Tempoh notis hendaklah mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada yang ditetapkan dalam Akta Kerja 1955 iaitu:-

   a) 4 minggu notis jika pekerja telah bekerja kurang dari 2 tahun;

   b) 6 minggu notis jika pekerja telah bekerja selama 2 tahun tetapi kurang daripada 5 tahun;

   c) 8 minggu notis jika pekerja telah bekerja lebih daripada 5 tahun.

2) Sekiranya majikan gagal memberi notis yang mencukupi, pekerja adalah layak mendapat gaji ganti notis. Gaji ganti notis hendaklah dibayar dengan sepenuhnya selewat-lewanya pada hari kontrak ditamatkan.

3) Kadar faedah pemberhentian hendaklah mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada kadar yang ditetapkan dalam Akta Kerja 1955 iaitu:

   a) 10 hari bagi setiap tahun perkhidmatan jika kurang daripada 2 tahun;

b) 15 hari gaji bagi setiap tahun perkhidmatan jika pekerja telah berkhidmat selama 2 tahun tetapi kurang daripada 5 tahun;

c) 20 hari gaji bagi setiap tahun perkhidmatan jika pekerja telah berkhidmat 5 tahun atau lebih.

d) Faedah pemberhentian kerja hendaklah dibayar selewat-lewatnya 7 hari dari tarikh kontrak perkhidmatan ditamatkan.

e) Sekiranya hak-hak di atas tidak diperolehi, pekerja boleh membuat aduan di Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran.

SOALAN NO: 31

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)**
TARIKH	:	**04 MAC, 2008 (RABU)**
SOALAN	:	**DATO' SERI ONG KA TING** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :

(a) Status perancangan Pakej Sekuriti Makanan untuk membenarkan pemindahan padi antara negeri dengan berperingkat; dan

(b) Status dan kebolehan pedagang dan pengeluar padi tempatan untuk menghadapi Perdagangan Bebas ASEAN (FTA) pada 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

(a) Kebenaran pemindahan padi antara negeri dibuat melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Sekatan Pemindahan Antara Negeri) 1997 di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994. Peraturan ini digubal bagi mengawal dan memastikan bekalan padi diperoleh oleh kilang-kilang beras tempatan dan sekiranya terdapat lebihan bekalan kebenaran akan diberi untuk dipindah kepada kilang-kilang di negeri lain yang memerlukan. Oleh itu saranan yang dibuat oleh

Yang Berhormat untuk membenarkan pemindahan padi antara negeri secara berperingkat sememangnya telah dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan Yang Mulia pihak Kementerian juga telah melaksanakan keputusan untuk memberi kebebasan pemindahan padi antara negeri dengan memberi kelulusan dan mengeluarkan permit kepada mana-mana pengilang yang membuat permohonan pemindahan . Cuma jumlah kuantiti padi yang akan dipindah sahaja dikawal.

(b) Mengenai status dan kebolehan pedagang dan pengeluar padi tempatan untuk menghadapi Perdagangan Bebas ASEAN (FTA) pada 2010. Pihak Kerajaan sedar akan kesulitan yang akan dihadapi oleh pedagang dan pengeluar padi tempatan apabila ia dilaksanakan kelak. Pesaing utama adalah Thailand dan Vietnam. Oleh itu persediaan telah pun dirangka dengan membuat jangkaan beberapa kesulitan yang akan dan timbul mekanisma penyelesaian telah disusun.

NO. SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH]**

TARIKH : **4 MAC 2009**

SOALAN :

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah usaha carigali minyak dan gas yang telah dilaksanakan berhampiran perairan pantai Kelantan dan apakah keputusannya serta namakan syarikat yang mengusahakannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS dan kontraktor-kontraktor perkongsian pengeluaran *(PSC Contractors)* telah menjalankan kerja-kerja carigali minyak dan gas di luar pantai Kelantan namun tiada sebarang rizab minyak atau gas yang telah ditemui setakat ini.

SOALAN NO: 33

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]

TARIKH : 4 Mac 2009

SOALAN Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Tahap peningkatan keluaran produk makanan (food production) yang telah dikecapi dalam masa lima tahun kebelakangan ni. Sila senaraikan mengikut jenis dan nilai produk makanan yang telah dikeluarkan itu.

Tuan Yang Di Pertua,

Pencapaian sektor makanan boleh diukur melalui jumlah kuantiti pengeluaran dan nilai jualan bagi setiap subsektor. Sektor makanan dibahagi kepada 4 kumpulan utama iaitu padi, lain-lain tanaman, perikanan dan ternakan.

KUANTITI PENGELUARAN

Pengeluaran bagi subsektor padi telah menunjukkan pertumbuhan positif sepanjang tempoh 2004 hingga 2008 kecuali pada tahun 2006 di mana pertumbuhan pengeluaran padi telah jatuh kepada negatif 5.48% iaitu daripada

2.31 juta tan metrik pada tahun 2005 kepada 2.18 juta tan metrik pada tahun 2006. Kejatuhan ini disebabkan masalah banjir yang berlaku di kawasan jelapang padi di negeri Kedah.

Bagi tanaman lain seperti buah-buahan dan sayur-sayuran, tahun 2007 menunjukkan peningkatan pertumbuhan yang tinggi iaitu 11.46% berbanding tahun 2006 iaitu meningkat kepada 2.97 juta tan metrik pada tahun 2007 daripada 2.66 juta tan metrik pada tahun 2006. Namun begitu sumbangan ini menurun sedikit pada 2008 dengan hanya bertambah sebanyak 4.31% kepada 3.09 juta tan metrik.

Bagi subsektor perikanan, tahun 2006 telah mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang tinggi sebanyak 1.59 juta tan metrik iaitu meningkat 12.35% berbanding pertumbuhan tahun 2005. Pertumbuhan tahun 2007 dan 2008 masing-masing kekal pada kadar sederhana iaitu 3.65% dan 5.27 %.

Pada keseluruhannya pengeluaran bagi subsektor ternakan telah mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan sepanjang tempoh 2004 hingga 2008 iaitu antara 4.67% hingga 5.28% setahun.

NILAI PENGELUARAN

Daripada segi nilai pengeluaran pula, pertumbuhan daripada tahun 2004 hingga 2008 mencatatkan tren yang bercampur-campur. Sektor padi mencatatkan kenaikan antara 1% hingga 15.79% pada tempoh tersebut. Bagi tanaman lain pula, peratus tertinggi dicatatkan pada tahun 2007 dengan pertumbuhan nilai pengeluaran sebanyak 15.11% bersamaan RM5.34 bilion.

Tren nilai pengeluaran sektor perikanan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 19.52% pada tahun 2006. Sumbangan ini mengecil pada tahun 2007 dan 2008 iaitu sebanyak 2.41 % dan 5.27% masing-masing. Bagi sektor ternakan pula, pertumbuhan nilai pengeluaran turut menunjukkan tren positif pada tempoh tersebut iaitu di antara 2.42% hingga 8.05%.

Berdasarkan pertumbuhan kuantiti dan nilai pengeluaran yang semakin baik bagi semua subsektor pengeluaran bahan makanan khususnya bagi tahun 2007 dan 2008, Kementerian ini percaya, melalui program yang telah dirancang dan tahap kesedaran masyarakat mengenai potensi sektor pengeluaran bahan makanan ini yang semakin meningkat, pengeluaran dan nilai bagi tahun 2009 dijangkakan akan lebih baik lagi.

SOALAN NO: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 4 MAC 2009

RUJUKAN : 1545

SOALAN:

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang bertaraf tiada warganegara (stateless) dalam negara sekarang berikutan ibu bapa mereka yang salah seorangnya adalah warganegara Malaysia, yang telah mendaftarkan perkahwinan mereka selepas kelahiran anak, nyatakan juga mengapa terdapat sebahagian status kanak-kanak ditukarkan kepada bukan warganegara bila mereka memohon MyKad sewaktu mencapai umur 12 tahun dan bilangan mereka sehingga 31.12.2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan kanak-kanak *stateless* yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara dalam tempoh 3 tahun (2005 hingga 2008) adalah sebanyak 457 orang. Status *stateless* adalah merujuk kepada kanak-kanak yang dilahirkan di negara ini tetapi tidak diketahui ibu bapa atau asal-usul mereka.

Manakala apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian bahawa kanak-kanak yang dilahirkan sebelum perkahwinan ibu bapanya didaftarkan adalah merujuk kepada anak tak sah taraf (anak luar nikah). Mengikut Seksyen 17 Bahagian 3 Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa taraf kewarganegaraan bagi anak tak sah taraf (anak luar nikah) adalah mengikut taraf kewarganegaraan ibunya. Berdasarkan rekod di Jabatan Pendaftaran Negara, bilangan kanak-kanak yang dilahirkan di negara ini sebelum perkahwinan ibu bapa mereka didaftarkan dari tahun 2005 hingga 2008 adalah sebanyak 2,002 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan mengenai penukaran status kanak-kanak kepada bukan warganegara Malaysia apabila mereka memohon Mykad ketika berumur 12 tahun, perlu dijelaskan bahawa hal ini terjadi kerana setelah Jabatan Pendaftaran Negara membuat semakan dan mendapati kelahiran kanak-kanak tersebut berlaku sebelum perkahwinan ibu bapa mereka didaftarkan. Perubahan status ini dilakukan apabila mendapati status bapa adalah bertaraf warganegara Malaysia dan ibu bukan warganegara Malaysia. Dalam keadaan ini, taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut akan mengikut taraf kewarganegaraan ibu mereka iaitu bukan waraganegara Malaysia.

SOALAN NOMBOR : 35

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Datuk Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]**
TARIKH	:	**4 Mac 2009 [Rabu]**
SOALAN	:	Oleh **YB. Datuk Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]** minta **Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani** menyatakan semasa sesi yang lepas Y.B. Menteri telah menyatakan bahawa semua masalah lesen sampan akan diselesaikan pada 31 Januari 2009:-

(a) berapakah jumlah lesen sampan yang telah diluluskan; dan

(b) apakah lagi masalah untuk menyelesaikan masalah lesen ini.

JAWAPAN :

a) Kementerian melalui Jabatan Perikanan telah menetapkan tarikh akhir penerimaan permohonan baru sampan adalah pada 30 September 2008. Sebanyak 15,781 permohonan sampan baru telah diterima, hanya 13,156 permohonan telah lengkap dan daripada jumlah tersebut sebanyak 11,809 telah dilesenkan.

b) Berdasarkan kajian daya tampungan sumber yang dijalankan oleh jabatan Perikanan kawasan perairan pantai (khususnya zon A) tidak lagi dapat menampung kehadiran aktiviti pengeksploitasian sumber yang kini di tahap berlebihan. Kawasan perairan pantai perlu dijaga dengan baik memandangkan ia merupakan kawasan pembiakan ikan serta perlindungan dan pembesaran anak-anak ikan. Walaupun Jabatan telah mengadakan kawasan perlindungan ikan, namun ianya tidak mencukupi bagi memastikan sumber ikan terus berkekalan jika para nelayan tidak turut menyertai program pemuliharaan sumber secara lestari khususnya dari segi ekosistem dan peralatan tangkapan. Kesedaran sedemikian dapat memelihara spesies-spesies ikan yang terancam daripada terus pupus.

SOALAN NO : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH

[KELANA JAYA]

TARIKH : 4 MAC 2009

SOALAN :

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah doktor negara asing yang berkhidmat di sini yang tidak mempunyai pengiktirafan MMC atau PSD.

Tuan Yang di-Pertua,

Semua doktor yang ingin mengamal di Malaysia diwajibkan mendaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perubatan 1971. Adalah menjadi kesalahan bagi seseorang doktor mengamal tanpa pendaftaran. Kementerian tiada maklumat mengenai jumlah doktor negara asing yang berkhidmat di negara ini yang tidak mempunyai pengiktirafan MMC.

Penguatkuasaan bagi mengekang gejala ini sentiasa dilaksanakan di bawah bidang kuasa *Private Healthcare Facilities and Service Act 1998.* Tindakan akan diambil terhadap mereka yang mengamal tanpa pendaftaran dan juga majikan yang menggaji mereka.

SOALAN NO: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN

TARIKH: 4 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [Alor Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah mekanisme Kementerian untuk memantau pemberhentian pekerja-pekerja akibat daripada kesan kemelesetan ekonomi dunia supaya pekerja tempatan tidak akan dibuang kerja sebelum pekerja asing. Berapa jumlah pekerja tempatan dan pekerja asing yang diberhentikan kerja dalam suku keempat tahun 2008 mengikut negeri dan sektor.

PR-1221-L16541

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan telah mewujudkan pelbagai mekanisme untuk memantau pemberhentian pekerjaan supaya pekerja tempatan tidak dibuang kerja sebelum pekerja asing, akibat daripada kesan kemelesetan ekonomi dunia sekarang. Mekanisme berkenaan adalah seperti berikut:

i) Menubuhkan Bilik Gerakan Pemantauan Pemberhentian dan Penempatan Semula Pekerja;

Sebanyak 80 buah Bilik Operasi telah ditubuhkan di seluruh Pejabat Jabatan Tenaga Kerja bagi mendaftarkan pekerja yang telah diberhentikan, mengesahkan peluang-peluang pekerjaan sedia ada, mengumpul dan memantau data mengenai pemberhentian kerja secara sentara, pemotongan gaji serta pekerja yang terlibat dalam *Voluntary Separation Scheme* (VSS). Bilik Operasi ini juga berperanan menyediakan khidmat pemadanan kerja *(job matching)*.

ii) Membekukan pengambilan pekerja asing di sektor elektrik dan eletronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan.;

Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan ini dibekukan. Sebagai galakan kepada majikan untuk menghantar balik pekerja asing ke negara asal mereka, Kerajaan telah membuat keputusan supaya baki levi pekerja asing akan dikembalikan kepada majikan, manakala sebagai insentif kepada majikan, jaminan bank akan dipulangkan secepat mungkin kepada majikan..

iii) Pendaftaran Dengan JobsMalaysia

Pekerja yang diberhentikan hendaklah mendaftar dengan Pejabat Tenaga Kerja atau portal JobsMalaysia bagi tujuan untuk mencari pekerjaan baru mengikut kemahiran masing-masing. Bagi memudahkan pencarian kerja, Program Penempatan Pekerjaan diadakan sebanyak dua kali sebulan di 15 pusat seluruh negara. Pelbagai kemudahan disediakan termasuk urusan temuduga terbuka oleh majikan-majikan.

Tuan Yang Di Pertua

Data pemberhentian (pemberhentian tetap dan sukarela) bagi suku tahun keempat 2008 iaitu mulai 1/10/2008 hingga 31/12/2008 ialah seramai 9055 orang pekerja. Daripada jumlah ini 7654 adalah pekerja tempatan dan 1401 adalah pekerja asing. Proses

pemberhentian bagi tempoh tersebut melibatkan 296 majikan. Johor merupakan negeri yang mencatatkan bilangan pemberhentian tertinggi iaitu seramai 1809 orang. Daripada jumlah ini, 1400 adalah pekerja tempatan manakala 409 pekerja asing. Ini diikuti dengan negeri Sarawak, dimana seramai 1707 orang telah diberhentikan. Daripada jumlah ini, seramai 1657 adalah pekerja tempatan dan 50 pekerja asing.

Pemberhentian Bagi Tempoh 1 Oktober 2008 Hingga 31 Disember 2008 Mengikut Negeri

NEGERI	PEMBERHENTIAN		
	TEMPATAN	ASING	JUMLAH
JOHOR	1,400	409	1,809
KEDAH	158	108	266
KELANTAN	44	0	44
MELAKA	896	577	1,473
NEGERI SEMBILAN	141	40	181
PAHANG	87	0	87
PULAU PINANG	1,083	95	1,178
PERAK	212	24	236
PERLIS	236	0	236
SELANGOR	943	67	1,010
TERENGGANU	52	0	52
KUALA LUMPUR	719	15	734
SABAH	26	16	42
SARAWAK	1,657	50	1,707
JUMLAH	7,654	1,401	9,055

Tuan Yang Di Pertua,

Sektor pembuatan merupakan sektor yang paling tinggi dalam pemberhentian pekerja. Sebanyak 253 majikan dalam sektor ini telah memberhentikan seramai 6254 orang pekerja. Daripada jumlah ini, seramai 4917 pekerja tempatan terbabit manakala pekerja asing seramai 1337.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pemberhentian Pekerja Bagi Tempoh 1 Oktober 2008 Hingga 31 Disember 2008 Mengikut Sektor

KOD	SEKTOR	PEMBERHENTIAN		
		TEMPATAN	ASING	KESELURUHAN
A	PERTANIAN, PEMBURUAN DAN PERHUTANAN	309	6	315
C	PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN	35	0	35
D	PEMBUATAN	4,917	1,337	6,254
F	PEMBINAAN	125	0	125
G	PERDAGANGAN JUAL BORONG DAN JUAL RUNCIT;KENDERAAN BERMOTOR,MOTOSIKAL,BARANGAN PERSENDIRIAN,ISI RUMAH	514	12	526
H	HOTEL DAN RESTORAN	649	12	661
I	PENGANGKUTAN, PENYIMPANAN DAN KOMUNIKASI	159	0	159
J	KEWANGAN	111	0	111
K	AKTIVITI HARTANAH,PENYEWAAN DAN PERNIAGAAN	629	34	663
L	PENTADBIRAN DAN PERTAHANAN AWAM; KESELAMATAN DAN SOCIAL WAJIB	25	0	25
M	PENDIDIKAN	9	0	9
O	AKTIVITI PERKHIDMATAN KOMUNITI,SOSIAL DAN PERSENDIRIAN LAIN	172	0	172
JUMLAH		7,654	1,401	9,055

SOALAN TAMBAHAN (1)

Apakah sebab-sebab berlaku pengangguran di negara ini ?. Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasinya.

Jawapan

Kadar pengangguran di Malaysia masih berada di paras terkawal. Antara sebab-sebab yang berlakunya pengangguran di negara ini adalah seperti berikut:-

a) Kebanyakan calon siswazah yang berdaftar untuk mendapatkan pekerjaan adalah *fresh graduate* yang tidak mempunyai pengalaman kerja Para siswazah ini memerlukan latihan praktikal di premis majikan supaya mereka mendapat pengalaman bekerja yang boleh digunakan bagi memenuhi kehendak pasaran.

b) Wujud masalah ketidaksepadanan (*mismatch*) dari segi kelulusan dan kemahiran yang diperlukan oleh majikan/industri. Bagi mengatasi masalah ini, majikan perlu memberi latihan supaya mereka boleh menjalankan tugas dengan sempurna.

c) Terdapat juga majikan yang terlalu memilih untuk mendapatkan calon/ pekerja yang berpengalaman serta mempunyai kemahiran-kemahiran khusus dan kriteria-kriteria tertentu seperti:

Kebolehan menguasai bahasa Inggeris
Kemahiran berkomunikasi (perhubungan awam)
Kepimpinan / keterampilan
Kebolehan menyelesaikan masalah
Kemahiran ICT dan sebagainya.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi mengurangkan kadar pengangguran dan membantu penganggur mendapatkan pekerjaan secepat mungkin, Kementerian telah melaksanakan pelbagai langkah untuk membantu golongan penganggur iaitu seperti berikut:

- Mengadakan program Karnival Pekerjaan (*Job Carnival*) yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja dari semasa ke semasa. Karnival ini bagi membolehkan pencari kerja bertemu majikan dalam sesi temuduga yang diadakan serentak.

- Melaksanakan kerjasama dan dialog dari semasa ke semasa dengan pihak industri dan institusi pengajian/latihan bagi menentukan keperluan sebenar industri;

- Menggalakkan majikan melatih dan melatih semula *(train and re-train)* pekerja bagi meningkatkan kemahiran bagi memenuhi keperluan negara.

SOALAN TAMBAHAN (2)

Di dalam menangani isu pemberhentian pekerja, apakah peranan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di dalam usaha membantu pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan.

JAWAPAN

Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap masa depan pekerja-pekerja yang terlibat dalam pemberhentian kerja. Pelbagai usaha sedang dan telah dilakukan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dalam menempatkan semula pekerja ke dalam pasaran pekerjaan.

Bagi majikan yang telah memberhentikan pekerja, mereka disarankan agar mengumpulkan maklumat dan butiran pekerja yang terlibat, ianya bertujuan bagi memasarkan mereka dalam pasaran pekerjaan baru. Melalui pendekatan ini, Jabatan Tenaga Kerja dengan kerjasama majikan akan menghubungi majikan lain yang terdapat di kawasan perindustrian yang sama dan berhampiran bagi memaklumkan bahawa mereka mempunyai tenaga kerja yang sedang mencari pekerjaan. Aktiviti ini dijalankan selepas pihak majikan melaporkan pemberhentikan pekerja yang bakal mereka laksanakan iaitu sebelum 30 hari pemberhentian dilakukan majikan tersebut.

Selain daripada itu, bagi pekerja yang gagal mendapatkan pekerjaan, mereka akan dibantu dalam mencari pekerjaan secara *On-line* iaitu melalui Program **JOBS MALAYSIA** yang mana, setiap Pejabat Tenaga Kerja akan meminta setiap majikan mendaftarkan pekerja yang bakal diberhentikan kerja dengan kadar segera di Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran. Maklumat berkenaan pengalaman kerja dan taraf pendidikan akan dimasukkan ke dalam sistem tersebut bagi dipadankan dengan kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh

majikan. Pencari kerja dinasihatkan agar sentiasa mengemaskini maklumat yang terdapat di bakul pencari kerja supaya ianya terkini.

Dalam usaha menempatkan semula pekerja yang telah diberhentikan kerja juga, JTK dalam usaha mewujudkan "*Clients Account*", di mana setiap Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Malaysia akan menghubungi pihak majikan yang berpotensi di setiap daerah bagi mendapatkan maklumat kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan. Melalui program ini, data dan maklumat kekosongan jawatan dan tenaga kerja akan disimpan dan dikemaskini dari ke semasa ke semasa dan seterusnya tenaga kerja akan dibekalkan kepada majikan yang memerlukan pekerja oleh Pejabat Tenaga Kerja.

NO SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang**

[Marang]

TARIKH : **4 Mac 2009**

SOALAN : **Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat melihat Mahkamah Syariah mempunyai status yang sama tinggi dengan Mahkamah Sivil. Sekiranya ya, apakah langkah jangka pendek dan panjang yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan ianya dapat dicapai.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan sememangnya berhasrat melihat Mahkamah Syariah mempunyai status yang sama tinggi dengan Mahkamah Sivil. Justeru itu langkah-langkah jangka pendek dan panjang telah dibuat ke arah merealisalikan hasrat tersebut.

Sebagai **langkah jangka pendek,** Kerajaan telah menubuhkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada Disember 1998 bagi tujuan penyelarasan pentadbiran perundangan dan kehakiman Syariah di seluruh negara.

Skim Perkhidmatan Pegawai Syariah juga telah diujudkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada tahun 1995 bagi memberikan pengkhususan kepakaran dalam bidang kehakiman Islam. Jika sebelum ini Qadi atau Hakim Syarie adalah boleh dilantik dari kalangan mereka yang mempunyai disiplin ilmu selain daripada bidang Syariah dan perundangan, iaitu lulusan jurusan Usulluddin atau Bahasa Arab. Dengan adanya Skim Pegawai Syariah ini, pegawai-pegawai yang layak dilantik adalah terdiri daripada lulusan Syariah sahaja.

Bagi mencapai hasrat itu juga pelbagai penambahbaikan dalam memantapkan kemahiran pegawai Syariah telah diperkenalkan melalui latihan dan pendedahan bidang tugas yang lebih sistematik.

Penyusunan semula organisasi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan telah dibuat . Waran Perjawatan Bil. A 62 Tahun 2008 telah

memperuntukkan kenaikan gred post jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dari gred LS 48 kepada gred LS54 dan gred Hakim Mahkamah Rendah Syariah dari gred LS 41 kepada gred LS44.

Kerajaan juga melalui Jabatan Perkhidmatan Awam bersedia untuk menimbangkan apa-apa cadangan baru berhubung penyusunan semula struktur Mahkamah Syariah seluruh Malaysia termasuk cadangan menaikan lagi gred Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan lain-lain post perjawatan yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah.

Untuk Langkah **jangka pangjang** Kerajaan melalui JKSM telah mengadakan kursus-kursus berkala ke arah meningkatkan kemahiran para Pegawai Syariah antaranya melalui Institut Latihan Perundagan dan Kehakiman (ILKAP).

JKSM juga dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara telah mengadakan Program khas Ijazah Lanjutan (LLM) yang menggabungkan pegawai Syariah dan Pegawai Undang-undang . Program ini telah bermula pada tahun 2007 hingga sekarang.

JKSM juga pada tahun 2008 telah menghantar 19 orang pegawai Syariah dari seluruh negara bagi mengikuti kursus jangka pendek di negara Mesir iaitu *Markaz Al-Qaumi Lil Dirasat Al-Qdhaiyyah*, Kaherah, Mesir. Program ini akan diteruskan dari masa kesemasa mengikut keperluan.

JKSM juga kini dalam tindakan menyediakan kertas cadangan berhubung penambahan hirarki Mahkamah Rayuan Syariah JKSM. Cadangan ini sudah pasti akan menaikkan taraf Mahkamah Syariah dalam arus perundangan dan kehakiman di negara ini.

JKSM juga dalam tindakan mewujudkan Pusat Latihan Kehakiman Syariah. Pusat Latihan ini akan berfungsi sebagai pusat melatih semua para Pegawai Syariah seluruh negara. Dalam masa yang sama, pusat ini juga akan menjadi pusat rujukan dan pusat latihan kehakiman Syariah bukan sahaja oleh peserta dan pelatih dari dalam negara bahkan juga daripada luar negara.

SOALAN NO. 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN MATULID BIN JUSOH (DUNGUN)

TARIKH : 4 MAC 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B Tuan Matulid bin Jusoh (Dungun) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah bilangan pusat-pusat latihan kerjaya untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) sebagai persediaan ke arah penyediaan peluang pekerjaan sama ada sektor awam atau swasta.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan dua (2) jenis pusat latihan kerjaya kepada golongan OKU sebagai persediaan ke arah peluang pekerjaan sama ada sektor awam atau sektor swasta iaitu Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi (PLPP) dan Bengkel Terlindung. Pada masa ini terdapat seramai 180 OKU mengikuti latihan di dua institusi ini iaitu 80 OKU di PLPP dan 100 OKU di Bengkel Terlindung.

SOALAN NO: 40

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Dr. Haji Dzulkifly bin Ahmad**

[Kuala Selangor]

TARIKH : **4 Mac 2009**

SOALAN : **Dr. Haji Dzulkifly bin Ahmad**

[Kuala Selangor] minta **Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani** menyatakan :

a) Apakah wujud satu pangkalan data berkaitan pekebun-pekebun kecil, penternak haiwan dan ikan bagi mengenalpasti *'profiling'* mereka agar lebih berkesan bagi mengenalpasti kesusukan sosio ekonomi mereka, lantas program - program penambahbaikan mampu disusun untuk mengatasi permasalahan serta pendapatan mereka; dan

b) Langkah-langkah konkrit bagi membantu pekebun kecil dan penternak haiwan kecil

ini, bagi menghadapi cabaran krisis dan kelembapan ekonomi yang sedang menimpa Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, satu pangkalan data sedang dibangunkan untuk mengumpul maklumat terkini mengenai pengeluaran komoditi-komoditi pertanian dan indikator-indikator utama bagi sektor agro-makanan. Kementerian ini sememangnya telah melaksanakan pengumpulan dan pengurusan maklumat pertanian terutama daripada segi pengeluaran bagi semua komoditi bahan makanan untuk setiap bulan bagi semua daerah di seluruh negara bagi tujuan perancangan dan rujukan.

'Profiling' untuk 3 sektor utama ini iaitu tanaman, ternakan dan perikanan serta mengikut kawasan sedang dikemaskini serta ditambah baik. Maklumat Profil ini yang mengandungi segala maklumat mengenai pendapatan, jenis aktiviti, jenis komoditi yang diusahakan dan maklumat demografi akan diintegerasikan kepada pangkalan data pertanian bagi mewujudkan satu pangkalan data yang lebih komprehensif.

Bagi membantu para petani dan penternak kecil, Kementerian telah menyediakan pakej bantuan kepada petani, penternak dan nelayan sama ada pemberian secara langsung atau tidak langsung. Pakej bantuan ini bertujuan untuk menggalakkan petani, penternak dan nelayan meningkatkan pengeluaran di samping mengurangkan beban kos pengeluaran.

Lain-lain bantuan secara tidak langsung disediakan di bawah peruntukan pembangunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk pembangunan infrastruktur, pelaksanaan projek peningkatan pengeluaran makanan dan pakej pinjaman mudah.

Di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan pemberian insentif pengeluaran merupakan pemberian kewangan secara langsung kepada petani dan penternak. Selain daripada itu Kerajaan telah membayar wang sara hidup bulanan kepada nelayan sebanyak RM200 serta insentif pendaratan hasil sebanyak RM0.10/kg. Bagi tanaman padi selain daripada subsidi baja, subsidi harga dan insentif peningkatan hasil padi yang sedia ada, Kerajaan telah menambah bantuan dalam bentuk baja tambahan, kapur, racun serta perataan tanah sawah. Selain itu, peruntukan untuk penambahbaikan dan penyelenggaraan, penyediaan infrastruktur baru turut ditambah selain daripada peruntukan kejenteraan ladang.

SOALAN NO: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]

TARIKH : 4 MAC 2009

RUJUKAN : 1548

SOALAN:

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) berapa ramaikah rakyat asing yang telah mendapat status Penduduk Tetap Malaysia sejak tahun 2000 dan pecahan mengikut negara asal mereka; dan

(b) berapa ramaikah antara mereka ini yang menetap di negeri Sabah serta pecahan mengikut negara asal mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Putatan yang mengemukakan pertanyaan.

a) Untuk makluman Ahli Yang berhormat, bilangan rakyat asing yang telah diluluskan Permit Masuk untuk berada atau tinggal di Malaysia dengan status Penduduk Tetap Malaysia sejak tahun 2000 hingga Disember 2008 adalah seramai 8622 orang dengan pecahan mengikut negara asal seperti berikut:-

Thailand seramai 2439 orang;
Indonesia 1955; India 1785;
Singapura 846; Filipina 578;
Taiwan 287;
Dan lain-lain negara seramai 732 orang

b) Manakala rakyat asing yang telah diluluskan Permit Masuk oleh pihak berkuasa Negeri Sabah untuk berada atau tinggal di negeri Sabah dengan status Penduduk Tetap Sabah adalah seramai 8796 orang. Jumlah ini tidak termasuk dalam jumlah yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan (seperti dalam para a) kerana ia diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Sabah. Pecahan mengikut negara asal adalah seperti berikut:-

Filipina seramai 8479 orang;

Indonesia 302; Taiwan 2;

China 3; British 2; India 4;

Thailand 1; Brunei 2 dan

Australia 1.

SOALAN NO: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. LEE BOON CHYE

TARIKH: 4 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [Gopeng] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pekerja/pelatih (mengikut kursus) yang menyertai dan tamat skim latihan di bawah urusan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) pada tahun 2004 – 2008.

PR-1221-L16620

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh 2004 hingga 2008, jumlah pelatih yang telah mengikuti dan tamat latihan di pusat-pusat bertauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (dahulunya MLVK) dan berjaya memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia adalah 462,776 orang iaitu:

2004 - 90,163 orang;

2005 - 100,381 orang;

2006 - 85,513 orang;

2007 - 87,607 orang; dan

2008 - 99,112 orang.

Daripada jumlah tersebut, keluaran yang tertinggi mengikut sektor industri adalah seperti berikut:

Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	-	101,074 orang (21.8%);
Elektrikal, elektronik dan telekomunikasi	-	77,475 orang (16.7%);
Pengangkutan termasuk automotif	-	72,664 orang (15.7%);
Kejenteraan dan kelengkapan	-	60,558 orang (13.1%); dan
Hospitaliti dan pelancongan	-	48,358orang (10.4%).

Maklumat tambahan:

1. Jumlah SKM yang dikeluarkan dalam tahun 2009 (hingga Februari) adalah 886 orang.
2. JPK di bawah KSM telah mentauliahkan 909 Pusat Bertauliah yang terdiri daripada 362 pusat bertauliah awam dan 547 pusat bertauliah swasta seperti di **Lampiran A**.
3. Pusat bertauliah mengikut kementerian dan agensi/kategori adalah seperti di **Lamipran B**.
4. Jumlah program latihan diluluskan adalah 5,852 seperti di **Lampiran C**.

SOALAN TAMBAHAN 1

Mohon Menteri Sumber Manusia menyatakan walaupun negara menawarkan pendidikan teknik dan vokasional yang baik, tetapi umumnya rakyat, termasuk sesetengah majikan, masih menganggapnya sebagai "pendidikan kelas dua". Apakah perancangan dan langkah kerajaan untuk membetulkan persepsi yang salah itu.

Jawapan

Bagi mengelakkan tanggapan umum dan stigma "pendidikan kelas kedua" terhadap pendidikan teknik dan vokasional, kerajaan telah bersetuju untuk meletakkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) seiring dengan kelayakan akademik seperti yang termaktub di dalam Malaysia Qualification Framework (MQF) yang akan dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Selain itu Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan mengembangkan program latihan kemahiran yang ditauliahkan oleh JPK ke peringkat antarabangsa pada 2 Disember 2005. Melalui keputusan tersebut pengantarabangsaan SKM kepada dunia luar telah dimulakan pada 1 Julai 2006 dengan penguatkuasaan Garis Panduan dan Peraturan Mengembangkan Program-Program Latihan Kemahiran JPK Di Peringkat Antarabangsa.

SOALAN TAMBAHAN 2

Apakah usaha Kementerian Sumber Manusia dalam menjamin graduan yang dihasilkan oleh institusi latihan lebih *marketable* di industri dan memberi peluang pekerjaan yang lebih luas kepada mereka.

JAWAPAN

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah dan sedang dalam usaha meningkatkan dan memartabatkan graduan dari segi kemahiran dan juga *soft-skill* antaranya kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berkumpulan dan sebagainya. Perkara tersebut amat diberi penekanan dalam latihan yang dijalankan. Isu graduan tidak *marketable* adalah berpunca daripada pemilihan program latihan yang diceburi serta persaingan pekerjaan.

No. Soalan : ~~56~~ 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN DAHALAN (KOTA BELUD)**
TARIKH	:	2 MAC 2009

SOALAN

DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN DAHALAN (Y.B. KOTA BELUD) minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah rancangan kerajaan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam dengan menerapkan prinsip-prinsip keselamatan dan mesra pengguna agar dapat menarik minat orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai faktor yang mendorong pengguna untuk menggunakan pengangkutan awam. Antaranya ialah ketepatan masa mengambil penumpang, ketepatan masa sampai ke destinasi, keberadaan jadual perjalanan, kadar tambang yang dikenakan, kebersihan dan keselesaan kenderaan, kecekapan pemandu dan liputan kawasan yang diliputi.

Selain daripada faktor-faktor tersebut, Kerajaan juga telah mengenal pasti faktor jaminan keselamatan dan perkhidmatan yang mesra pengguna turut menyumbang kepada minat orang ramai menggunakan pengangkutan awam. Kajian oleh Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS) dan Kementerian (2008) juga mendapati kedua-dua faktor tersebut adalah signifikan dalam menentukan tahap kepuasan pengguna menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah melaksanakan piawaian antarabangsa atau bersamaan berhubung keselamatan pembinaan dan pengoperasian berdasarkan ECE R66 (reka bentuk struktur badan bas), ECE R80 (struktur tempat duduk), ECE R36 (pembinaan struktur bas), Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHE) serta kenderaan bas ekspres pula disyaratkan memasang *Global Positioning System (GPS)*. Sepanjang tahun 2008 juga, sebanyak 13 siri kursus pemanduan berhemah telah dianjurkan dan telah dihadiri oleh 892 peserta yang bertujuan melahirkan pemandu yang mesra pengguna di samping memantapkan imej pemandu dan pengusaha kenderaan pengangkutan awam.

Disediakan Oleh : NOR NEKMAN BIN JAIMON 20/2/09

: No.Tel. Pejabat : 03-88805478

: No. H/P : 019-2768803

Disemak Oleh : DATIN NAIMAH BINTI RAMLI 20/2/09

: No.Tel. Pejabat : 03-88805473

: No. H/P : 012-3250969

Diluluskan Oleh : ALWI BIN HAJI IBRAHIM 28/2/09

NO : 44.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD

TARIKH : 4 MAC 2009 (RABU)

SOALAN : NO.44

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pendidikan tinggi masa kini menjadi semakin mahal dengan penambahan kos sara hidup yang semakin meningkat. Adakah Kerajaan bercadang supaya ibu bapa wajib mencarumkan sebahagian dari pendapatan mereka ke dalam tabung pendidikan supaya dapat mengurangkan ketergantungan anak-anak mereka kepada pinjaman PTPTN.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan memang menyedari kos pengajian tinggi semakin meningkat setiap tahun, khususnya kos sara hidup. Antara usaha yang dilakukan untuk mengurangkan pergantungan kepada pembiayaan pendidikan PTPTN ialah melalui pelaksanaan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang diwujudkan pada 6 Ogos 2004 bagi membolehkan ibu bapa membuat

penabungan untuk pendidikan tinggi anak-anak mereka. SSPN ini menawarkan beberapa keistimewaan kepada pendeposit seperti:

i. pemberian insentif kewangan dalam bentuk geran sepadan *(matching grant)* kepada pendeposit yang berpendapatan keluarga di bawah RM2,000 sebulan;

ii. perlindungan insurans/takaful percuma kepada pendeposit yang mempunyai jumlah simpanan tidak kurang dari RM1,000;

iii. simpanan SSPN dijamin oleh Kerajaan; dan

iv. dividen tahunan yang dikecualikan cukai pendapatan.

Sungguhpun demikian, sambutan untuk SSPN kurang menggalakkan di mana hanya sejumlah 54,709 akaun dengan RM15.6 juta dikumpulkan untuk tempoh 6 Ogos 2004 hingga 30 September 2006. Kerajaan telah memperkenalkan strategi tambahan mulai tahun 2007 seperti berikut:

i. insentif pengecualian cukai sebanyak RM3,000 setahun mulai taksiran tahun 2007.

ii. kewajipan simpanan minima RM20 dalam akaun SSPN dibuat oleh ibubapa sebelum anak-anak mereka layak memohon pembiayaan pendidikan PTPTN.

Susulan daripada strategi tambahan ini, sejumlah 604,748 akaun baru telah dibuka dengan jumlah simpanan sebanyak RM178.6 juta bagi tempoh 2007 hingga 2008.

45

No. Soalan: ~~66~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

TARIKH : 24 MAC 2009

TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [Pontian] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan setakat manakah usaha telah dibuat untuk menambah jumlah premis perniagaan di bandar-bandar besar dan adakah perancangan untuk 4 atau 5 pintu kedai di simpang *strategic* kawasan kampung akan dilaksanakan sebagai usaha berkesan bagi menambah bilangan usahawan desa di seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) melalui agensi-agensi di bawahnya iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA), UDA Holdings Berhad (UDA) dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) sentiasa berusaha menambah jumlah premis

perniagaan termasuk di bandar-bandar besar. Pada masa ini MECD mempunyai 17,682 unit lot perniagaan di seluruh negara dan dalam RMKe-9 MECD mensasarkan untuk menyediakan sebanyak 18,000 unit lot perniagaan.

Di bandar-bandar besar, MECD melalui UDA telah menyediakan sebanyak 1,614 premis perniagaan bagi meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera di kawasan bandar. Di antara premis perniagaan utama di kawasan bandar tersebut adalah Plaza Bukit Bintang, Kompleks Pertama di Kuala Lumpur, Angsana di Johor Bahru, dan Greentown Mall di Ipoh. Selain itu, UDA juga terlibat dalam pembangunan bandar-bandar baru iaitu Bandar Tun Hussien Onn di Cheras, Kuala Lumpur; Bandar Baru UDA dan Bandar UDA Utama di Johor Bahru, Johor dan Taman Pauh Jaya di Seberang Perai, Pulau Pinang.

Sementara itu, MARA juga terlibat dalam meningkatkan jumlah premis perniagaan di bandar-bandar dengan membangunkan arked, bazar, rumah kedai dan kompleks perniagaan. Sehingga 31 Disember 2008, MARA telah menyediakan sebanyak 6,454 unit premis perniagaan di seluruh negara termasuk sebahagiannya di kawasan bandar. Di antara kompleks perniagaan di kawasan bandar ialah Centrum Setiawangsa dan Kompleks Jalan Gurney di Kuala Lumpur serta Digital Mall di Anggerik Mall, Shah Alam, Selangor.

Selain itu, PKEN-PKEN juga telah menyediakan sebanyak 9,195 unit premis perniagaan di seluruh negara terutamanya di kawasan-kawasan bandar. Ini telah memberi kemudahan kepada usahawan-usahawan Bumiputera untuk berniaga di bandar-bandar tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

MECD melalui agensi-agensi tersebut telah menyediakan perancangan untuk menambahkan lagi bilangan premis perniagaan di kawasan luar bandar termasuk menyediakan rumah-rumah kedai di lokasi yang strategik di simpang-

simpang kawasan kampung. Pada masa ini MARA sedang melaksanakan program Kedai Rakyat di tujuh lokasi iaitu Bandar Baru dan Sungai Tiang, Kedah; Lenggong, Perak; Masjid Tanah, Melaka; Sungai Koyan, Pahang; Besut, Terengganu; dan Sanglang, Perlis bagi meningkatkan bilangan premis perniagaan di kawasan luar bandar untuk disewakan kepada usahawan desa. Kementerian juga telah diberi tambahan peruntukan sebanyak RM50 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi bagi menambahkan lagi bilangan premis-premis perniagaan tersebut di kawasan luar bandar dan kini sedang diuruskan dengan cepat bagi membantu usahawan-usahawan merangsang kegiatan perniagaan mereka.

SOALAN NO: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
[KUBANG KERIAN]

TARIKH : 4 MAC 2009

RUJUKAN : 1551

SOALAN:

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Aminah Bt. Mohd, nombor kad pengenalan 0459902 dan Mohd Tahir B. Sutan, nombor kad pengenalan 1287882, masih hidup dan jika telah meninggal dunia, bilakah mereka meninggal dunia dan bilakah pula kad pengenalan baru mereka masing-masing dikeluarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan telah dibuat ke atas rekod pemegang kad pengenalan lama bagi Aminah Bt. Mohd, nombor 0459902 dan Mohd Tahir B. Sutan, nombor 1287882, dan mendapati bahawa tiada kad pengenalan baru atau Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) yang dikeluarkan kepada mereka. Nombor kad pengenalan baru mereka diwujudkan hanya sebagai kekunci utama dalam pangkalan data di Jabatan Pendaftaran Negara yang merujuk kepada nombor kad pengenalan lama mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini tiada rekod kematian kedua-dua pemegang kad pengenalan berkenaan dalam daftar kematian di Jabatan Pendaftaran Negara.

No. Soalan: 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN KHAIRI BIN JAMALUDDIN**

TARIKH : **4 MAC 2009**

TUAN KHAIRI BIN JAMALUDDIN [REMBAU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengambil langkah pro-aktif bagi membantu Industri Kecil dan Sederhana (SMEs) dengan menubuhkan pakej atau skim penyelamat SMEs (SMEs recue package) bagi membantu SMEs yang menghadapi masalah ketika kegawatan ekonomi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dan peka akan kepentingan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) terutamanya ketika menghadapi kelembapan ekonomi memandangkan segmen ini menyumbang sebanyak 32 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan memberi pekerjaan kepada lebih daripada 5.6 juta orang pekerja. Justeru itu melalui Pakej Ransangan Fiskal yang diumumkan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 14 Disember 2008, sejumlah **RM200 juta dana tambahan diperuntukkan** bagi skim mikro kredit di bawah seliaan Bank Negara

Malaysia **sebagai pakej atau skim penyelamat PKS** untuk terus berdaya tahan dan berdaya saing dalam perniagaan masing-masing.

Selain itu, Kerajaan juga telah membenarkan agar masa perniagaan pasar raya besar dan pusat membeli belah dilanjutkan di samping menghapuskan duti import bagi simen dan keluaran besi keluli panjang bagi sektor pembuatan dan pembinaan manakala, *Approved Permit* (AP) bagi keluaran besi keluli panjang juga dikecualikan. Langkah-langkah ini diharap dapat menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih mapan bagi sektor swasta terutamanya PKS.

Tuan Yang Dipertua,

Sementara itu, bagi membantu PKS menghadapi kelembapan ekonomi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) telah **mengambil inisiatif dengan membangunkan satu Pelan Tindakan** bagi memastikan PKS bukan sahaja terus mampu bersaing dalam pasaran bahkan memantapkan perniagaan mereka. Lima (5) pendekatan strategik digariskan menerusi pelan tindakan ini iaitu:-

i. Mengurangkan kos pelaksanaan dalam membangunkan perniagaan;
ii. Mengekalkan permintaan terhadap produk atau perkhidmatan usahawan melalui pengukuhan produktiviti usahawan;
iii. Mempermudahkan usahawan dalam mendapatkan pembiayaan;
iv. Menjamin kesejahteraan rakyat; dan
v. Mengukuh keupayaan institusi dan pelaksanaan

Antara langkah-langkah penting yang diambil menerusi pelan tindakan ini adalah seperti berikut :-

i. Mengadakan lebih banyak **program promosi seperti Gerak usahawan di peringkat nasional dan akar umbi serta memantapkan kualiti produk** bagi membolehkan PKS untuk lebih berdaya saing di pasaran yang lebih luas;

ii. Mengadakan **Skim Pinjaman Peluang Kedua dan Pemulihan** dengan menggunakan peruntukan sedia ada;

iii. **Menyelaras syarat-syarat pemblayaan** di bawah agensi-agensi supaya lebih seragam dan mudah diperolehi serta penurunan kuasa bagi **mempecepatkan proses kelulusan dan pengeluaran pinjaman** kepada usahawan;

iv. Membenarkan usahawan **menjadualkan semula pembiayaan perniagaan** bagi mengurangkan beban pembayaran balik bulanan mereka;

v. Memberi **rebat atau diskaun terhadap usahawan** yang mempunyai **prestasi pembayaran balik yang baik** (*good pay master*);

vi. Menubuhkan **Jawatankuasa Rayuan dan Mudah Biaya** dalam **memberi peluang kedua kepada usahawan** mendapatkan pembiayaan dan mengurangkan karenah birokrasi; dan

vii. **Mengekalkan kadar sewa yang rendah** berbanding harga pasaran bagi permis-premis perniagaan yang disediakan.

NO SOALAN : 48

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)

TARIKH : 4 MAC 2009 (RABU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan Konsep HANRUH dengan menjadikan Program Latihan Khidmat Negara secara wajib kepada semua lelaki rakyat Malaysia yang mencapai had umur 18 tahun. Selepas menjalani latihan selama enam bulan mereka diberi pilihan untuk menyertai angkatan tentera atau pasukan polis selama dua tahun seperti yang diamalkan di Singapura dan Korea.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) adalah salah satu daripada komponen Dasar Pertahanan Negara. HANRUH merupakan segala usaha yang melibatkan seluruh lapisan rakyat dan semua jenis sumber demi mempertahankan negara. Ia merangkumi aspek kesediaan keselamatan, perpaduan dan kesepaduan sosial, persediaan awam, kekukuhan ekonomi dan kekukuhan psikologi.

Mengikut Akta Latihan Khidmat Negara 2003, remaja-remaja yang telah mencapai umur yang ditentukan di dalam proklamasi oleh Yang Di-Pertuan Agong yang berumur tidak kurang daripada 16 tahun tetapi belum mencapai umur yang ditentukan di dalam proklamasi tersebut yang tidak lebih daripada 35 tahun hendaklah bertanggungan untuk menjalani Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Ini bermakna PLKN merupakan kesinambungan proses HANRUH secara berterusan yang mana melahirkan remaja yang berjiwa patriotik dan mempunyai keyakinan diri serta penuh semangat kesukarelaan.

Buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk mewajibkan mereka memasuki Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selepas latihan, hanya memadai dengan penyertaan secara sukarela.

49

SOALAN NO: ~~73~~

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 04.03.2009

SOALAN : **DATUK SERI PANGLIMA MAJLIP BIN BUMBURING @ WILFRED (TUARAN)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramaikah peneroka yang telah ditempatkan di ladang FELDA di Umas-Umas dan Sahabat di Sabah dan berapakah bilangan peneroka yang telah menerima geran tanah (Land Titles) .

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, seramai **1,648** orang peneroka ditempatkan di Negeri Sabah, terdiri daripada **872** di Gugusan Sahabat, Lahad Datu dan **776** di Gugusan Umas, Tawau.

Sebenarnya, masih belum ada peneroka yang mendapat hak milik tanah di Negeri Sabah memandangkan ianya masih dalam proses pengukuran tanah.

Pada lazimnya, FELDA akan mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri Supaya peneroka dikurniakan hak milik setelah mereka menyelesaikan Bayaran Kembali (BK) iaitu kos pembangunan yang didahulukan oleh FELDA. Kos pembangunan ini adalah terdiri daripada kos penyediaan tapak rumah, pembinaan rumah, kos pembangunan tanah, pinjaman persendirian dan lain-lain.

Pada masa ini, peneroka di Sabah membayar di antara **RM70,000.00** hingga **RM80,000.00** untuk menjelaskan BK. Sebelum bayaran BK ini dijelaskan, FELDA menyiapkan kerja mengukur lot individu bagi setiap peneroka bagi kedua-dua kawasan kediaman dan pertanain. Setakat ini, hanya rancangan Umas 2,3 dan 4 sahaja yang sudah selesai BK di Felda Sahabat.

Sebelum kerja ukur dijalankan, FELDA akan mendapatkan kebenaran mengukur atau *Reguisition For Survey Permit (RSP)*

daripada Jabatan Ukur Negeri untuk mengukur lot peneroka. Pada masa ini kerja mengukur lot individu peneroka di Gugusan Sahabat dan Gugusan Umas sedang dijalankan. Kerja mengukur lot ini dijalankan oleh juruukur tempatan dan dijangka siap pada hujung tahun ini.

Lot peneroka yang diukur ini juga akan dikemukan kepada peneroka untuk persetujuan. Apabila kerja mengukur ini selesai, FELDA akan mendapatkan kelululusan Pelan Akui dari Jabatan Ukur Negeri. Selanjutnya permohonan hak milik akan dikemukakan beserta borang permohonan tanah kepada Pejabat Tanah dan Ukur yang berkenaan.

----------XXX----------

Disediakan oleh :

Nama : Puan Wan Zaleha bt Wan Embong
: Jabatan Pembangunan Komuniti & Perhubungan Felda

H/P : 019-2753758

NO: 50

SIDANG DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA

PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]

TARIKH : 4 MAC 2009

SOALAN : 50

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah insentif yang diberikan oleh Kerajaan bagi memajukan teknologi kenderaan yang lebih mesra alam memandangkan peningkatan suhu global sekarang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan sedang giat berusaha untuk mengurangkan pergantungan terhadap bahan api konvensional dengan menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi serta infrastruktur yang diperlukan untuk menghasilkan, menyimpan dan mengagihkan sumber bahan api alternatif bagi pengangkutan yang lebih mesra alam dan mampan.

Insentif-insentif yang diberikan oleh Kerajaan bagi memajukan teknologi kenderaan yang lebih mesra alam ialah dengan pemberian geran-geran penyelidikan untuk melaksana R&D bagi menghasilkan teknologi kenderaan yang lebih mesra alam dan mengurangkan pengeluaran haba/asap yang akan mencemarkan alam sekitar. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyediakan geran Sciencefund, Technofund, Innofund, *Commercialisation of Research & Development Fund* (CRDF) dan *Technology Acquisition Fund* (TAF) yang boleh membantu dalam usaha penyelidikan dan pembangunan teknologi berkenaan.

Selain itu, MOSTI juga dibawah program Bionexus memberi insentif kepada syarikat-syarikat yang menjalankan R&D *biofuel* bagi kenderaan dan layak dipertimbangkan untuk insentif seperti insentif cukai, geran, bantuan mendapatkan akreditasi berdasarkan piawaian antarabangsa, perlindungan dan penguatkuasaan harta intelek yang setaraf dengan piawaian antarabangsa, capaian kepada rangkaian maklumat yang menghubungkan pusat-pusat kecemerlangan penyelidikan dan penggunaan makmal, kemudahan serta perkhidmatan secara berkongsi. SIRIM Berhad juga menyediakan kemudahan perkhidmatan makmal dan perundingan kepada para penyelidik yang menjalankan penyelidikan dalam bidang ini.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga menyediakan insentif untuk teknologi-teknologi strategik seperti pengecualian cukai, *tax investment, pioneer status*, geran latihan dan

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN LIANG TECK MENG

TARIKH: 4 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha Kerajaan untuk membantu rakyat yang menganggur akibat kemelesetan ekonomi dunia. Apakah tindakan Kerajaan terhadap kilang-kilang yang mengutamakan pekerja asing dari pekerja tempatan.

PR-1221-L16892

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membantu rakyat yang menganggur akibat kemelesetan ekonomi, Kementerian Sumber Manusia telah mengambil usaha-usaha seperti berikut:-

i. Mewujudkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri yang melibatkan pihak majikan, kesatuan sekerja dan Kerajaan. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi terhadap pekerja yang diberhentikan.

ii. Sebanyak 80 buah Bilik Operasi telah ditubuhkan di seluruh negara bagi mendaftarkan pekerja yang telah diberhentikan, mengesahkan peluang-peluang pekerjaan sedia ada, mengumpul dan memantau data mengenai pemberhentian kerja secara sentara, pemotongan gaji serta pekerja yang terlibat dalam *Voluntary Separation Scheme* (VSS). Bilik Operasi ini juga berperanan menyediakan khidmat pemadanan kerja *(job matching).*

iii. Menganjurkan Program Penempatan Pekerjaaan *(Jobs Placement Program)* sebulan sekali di 15 lokasi seluruh negara dengan menyediakan kemudahan bagi majikan mengadakan temuduga terbuka. Sempena pelancaran serentak Program ini di Shah Alam, Kota Kinabalu, Pulau Pinang dan Johor Bahru pada 28hb. Februari 2009 seramai 3,960 pencari kerja telah berjaya ditempatkan.

iv. Melaksanakan program latihan dan penempatan *(train & place)* bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan, belia dan siswazah menganggur untuk membolehkan mereka mendapat kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa. Mereka yang terlibat perlu berdaftar dengan *JobsMalaysia* sebelum diberi latihan dan seterusnya dibuat penempatan.

v. Bagi membuka peluang pekerjaan Kementerian saya telah mewujudkan program CESS *(Community Based Employment Support Services).* Matlamat utama kerajaan melalui program ini adalah memberi serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada kumpulan sasar melalui pelbagai aktiviti dan program yang diatur dengan menggunakan JobsMalaysia serta dibantu oleh pegawai pembimbing kerjaya dari Kementerian saya.

vi. Kementerian saya telah menyediakan Garis Panduan Pemberhentian Pekerja yang dilancarkan pada 16 Disember 2008, dimana tindakan pemberhentian kerja merupakan langkah terakhir atau *last resort.*

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian saya sentiasa menggalakkan para majikan termasuk kilang-kilang memberi keutamaan kepada pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan di premis mereka. Pengambilan pekerja asing hanya dibenarkan sekiranya jawatan kosong itu tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan.

Sekiranya majikan hendak memberhentikan pekerja dasar kerajaan adalah *Foreign Workers First Out (FWFO).* Perkara ini adalah termaktub dalam Akta Kerja 1955. Pada masa yang sama, Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan pekerja asing di sektor elektrik dan eletronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan.

SOALAN TAMBAHAN (1)

Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan majikan mematuhi undang-undang yang berkaitan pemberhentian pekerja.

JAWAPAN

Kementerian Sumber Manusia sentiasa memastikan majikan mematuhi semua peraturan berkaitan perberhentian pekerja. Kementerian Sumber Manusia telah menggariskan lankah-langkah yang harus diambil oleh majikan bagi mengelakkan pemberhentian pekerja. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut :-

1. Pengambilan pekerja baru hendaklah dibekukan kecuali bagi bidang-bidang kritikal.

2. Menghadkan kerja lebih masa.

3. Menghadkan kerja pada hari rehat mingguan dan cuti am.

4. Mengurangkan hari-hari bekerja dalam seminggu atau mengurangkan bilangan kerja giliran.

5. Mengurangkan waktu bekerja harian.

6. Mengadakan program latihan semula kepada pekerja.

7. Mengenalpasti kerja-kerja alternative dan pertukaran ke bahagian kerja lain di dalam syarikat yang sama.

8. Melaksanakan pemberhentian kerja secara sentara, misalnya dalam bentuk penutupan sementara dengan menawarkan gaji yang berpatutan dan membantu mereka mendapatkan kerja sementara di tempat lain sehingga operasi dapat diteruskan semula.

9. Pengurangan gaji pekerja yang dibuat secara adil di semua peringkat dan dilaksanakan sebagai langkah akhir selepas langkah-langkah penjimatan kos lain yang sudah dilaksanakan:

10. Sekiranya perlu memberhentikan pekerja, pekerja asing hendaklah diberhentikan terlebih dahulu daripada pekerja tempatan dalam kategori pekerjaan yang sama. *(Foreign Workers First Out)*

11. Melaksanakan skim pemberhentian sukarela;

Jika pemberhentian melibatkan pekerja tempatan, prinsip LIFO *(last in first out)* hendaklah digunakan dalam kategori pekerja yang sama.

SOALAN TAMBAHAN (2)

Apakah hak-hak pekerja yang terlibat dengan pemberhentian menurut Undang-undang atau Akta di Malaysia

JAWAPAN

Hak-Hak Pekerja Di Bawah Akta Kerja 1955

1. Tempoh notis hendaklah mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada yang ditetapkan dalam Akta Kerja 1955 iaitu:-

   a) 4 minggu notis jika pekerja telah bekerja kurang dari 2 tahun;

   b) 6 minggu notis jika pekerja telah bekerja selama 2 tahun tetapi kurang daripada 5 tahun;

   c) 8 minggu notis jika pekerja telah bekerja lebih daripada 5 tahun.

2) Sekiranya majikan gagal memberi notis yang mencukupi, pekerja adalah layak mendapat gaji ganti notis. Gaji ganti notis hendaklah dibayar dengan sepenuhnya selewat-lewanya pada hari kontrak ditamatkan.

3) Kadar faedah pemberhentian hendaklah mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada kadar yang ditetapkan dalam Akta Kerja 1955 iaitu:

   a) 10 hari bagi setiap tahun perkhidmatan jika kurang daripada 2 tahun;

b) 15 hari gaji bagi setiap tahun perkhidmatan jika pekerja telah berkhidmat selama 2 tahun tetapi kurang daripada 5 tahun;

c) 20 hari gaji bagi setiap tahun perkhidmatan jika pekerja telah berkhidmat 5 tahun atau lebih.

4) Faedah pemberhentian kerja hendaklah dibayar selewat-lewatnya 7 hari dari tarikh kontrak perkhidmatan ditamatkan.

5) Sekiranya hak-hak di atas tidak diperolehi, pekerja boleh membuat aduan di Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran.

Unjuran Pemberhentian Pekerja Tahun 2009

Bagi unjuran tahun 2009, seramai 40,000 hingga 58,000 pekerja akan diberhentikan kerja. Unjuran ini dibuat bergantung kepada senerio ekonomi global di Amerika Syarikat / Europah dan Jepun. Di samping itu, ianya juga bergantung kepada Pakej Rangsangan Ekonomi oleh Kerajaan.

Soalan No : 52

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI)**
TARIKH	:	**04.03.2009**

SOALAN:

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada SJK(C) dalam tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008 dan apakah piawaian yang digunakan untuk proses kelulusan, serta senaraikan struktur hierarki otorisasi dalam proses tersebut. Bagaimana memastikan jumlah peruntukan yang diluluskan sampai ke pihak pengurusan sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah. Agenda utama Kerajaan adalah untuk membangunkan pendidikan negara secara menyeluruh; merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid; memperbaiki sekolah daif, serta memberi akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan belanja mengurus yang diberikan kepada SJKC dalam tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008 secara keseluruhannya adalah sebanyak RM4.48 bilion.

Dalam menimbangkan kelulusan kepada setiap sekolah, kriteria yang menjadi keutamaan adalah keselamatan kepada pelajar dan warga sekolah. Di samping itu, keselesaan kepada pelajar turut diberi wajaran bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.

KPM juga memberikan perhatian bagi memastikan peruntukan yang diluluskan sampai ke pihak pengurusan sekolah. Oleh yang demikian, agihan peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Memperkukuhkan Daya Tahan Ekonomi Negara 2009 disalurkan terus ke akaun Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) yang berkenaan.

NO SOALAN : 53

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA (BACHOK)**
TARIKH	**:**	**4 MAC 2009 (RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapa ramaikah bekas-bekas warga ATM yang mempunyai kepakaran tertentu yang telah dilantik sebagai kontraktor pembekalan dan penyelenggaraan aset ATM.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa memastikan agar semua perolehan dibuat dengan berhemat dan berasaskan prinsip atau kaedah '*Best Value For Money*'. Perolehan yang dibuat akan melalui beberapa peringkat penilaian bagi memastikan Kementerian mendapat faedah sepenuhnya dari perolehan berkenaan, sesuai dengan perbelanjaan yang dikeluarkan.

Pada masa yang sama, Kementerian juga mengiktiraf kemahiran dan kepakaran yang ada dikalangan bekas-bekas warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Sehubungan itu, Kementerian sentiasa dan bersedia melantik bekas-bekas warga ATM yang berpengalaman dan berkemahiran sebagai kontraktor pembekalan dan penyelenggaraan aset ATM, setelah mereka berjaya melalui peringkat penilaian yang dibuat, sesuai dengan prinsip dan peraturan perolehan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2007, Kementerian Pertahanan telah melantik sebanyak 72 syarikat milik bekas warga ATM bagi kontrak-kontrak Kementerian. Manakala bagi tahun 2008 pula, sebanyak 28 syarikat lagi telah diberikan peluang melaksanakan kontrak-kontrak Kementerian. Kontrak-kontrak yang diberikan antaranya meliputi bidang-bidang seperti pembekalan, perkhidmatan, penyelenggaraan, persenjataan, aeroangkasa, maritim, komunikasi dan sebagainya.

Selain itu, Kementerian juga sentiasa menimbangkan pemberian kontrak pembekalan dan penyelenggaraan aset kepada syarikat-syarikat yang telah dikenalpasti menggaji atau mengambil pekerja dari kalangan bekas-bekas warga ATM.

NO SOALAN: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
[PADANG SERAI]

TARIKH : 4 MAC 2009

SOALAN:

Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam mengatasi masalah masyarakat India yang telah menunjukkan perasaan tidak puas hati terhadap pemerintahan Kerajaan yang sedia ada dengan memilih untuk mengundi Pakatan Rakyat sebagai undi protes pada 8 Mac 2008.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Sebagaimana yang diketahui Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional telah dipilih oleh rakyat untuk menerajui Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, setiap langkah yang diambil Kerajaan adalah dengan tujuan untuk menjaga kepentingan dan memenuhi ke-perluan kesemua kaum dengan sebaik mungkin.

Secara spesifik dan sebagai contoh, Kerajaan telah menjalankan pelbagai program yang ditujukan khas untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh segmen tertentu masyarakat India. Contohnya, Jawatankuasa Kabinet Khas telah ditubuhkan tahun lepas untuk meneliti masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India. Antara lainnya, langkah-langkah yang diambil jawatankuasa tersebut adalah untuk memperuntukan RM50 juta untuk sekolah-sekolah Tamil serta memperuntukan RM20 juta untuk Program Pembangunan Kemahiran Belia India Malaysia dibawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama. Tambahan pula, Kerajaan juga sedang melaksanakan pelan tindakan untuk meningkatkan pengambilan masyarakat India dalam Sektor Awam demi mencapai penyertaan pada tahap 7.4%, berbanding 4.1% sekarang.

Kerajaan tetap berpegang pada semangat perkongsian kuasa yang tulen dan prinsip dimana kesemua kaum di Malaysia akan senantiasa diberi perhatian yang sewajarnya agar faedah pembangunan negara dapat dinikmati bersama.

Sekian, terima kasih.

:NO: 55 :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN 55

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)

TARIKH : 4 MAC 2009

SOALAN : **YB Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan selaku ahli Organisation of Islamic Conference (OIC) untuk menyelesaikan masalah antara Israel dengan Palestin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh YB Selayang pada 4 Mac 2009.

2. Malaysia mempunyai Dasar Luar Negara yang memberi penekanan tinggi terhadap meningkatkan kerjasama serantau dan pelbagai hala seperti mana juga penekanan yang diberikan dalam konteks hubungan dua hala. Di peringkat kerjasama diplomatik pelbagai hala, seperti Sebagai ahli Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), tindakan Malaysia untuk menyelesaikan masalah di antara Palestin dan Israel ialah untuk memastikan agar OIC terus bergabung tenaga bagi menekan dan menggesa supaya tindakan dilakukan bagi membela hak Palestin bila mana sokongan OIC diperlukan. Di bawah gabungan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Malaysia turut menerajui langkah-langkah diplomatik yang sama. Gabungan OIC dan NAM merupakan gabungan lebih 2/3 anggota PBB.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia terpilih menganggotai Jawatankuasa Palestin iaitu, *United Nations Committee on the Exercise of the Inalienable Rights of The Palestinian People* dan *OIC Committee of Six on Palestin* dan aktif memberikan pandangan dan kerjasama bagi membela hak rakyat Palestin.

SOALAN NO: ~~26~~ 56

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. TAN SENG GIAW**
[KEPONG]

TARIKH : **RABU, 4 MAC 2009**

RUJUKAN : **11**

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan peruntukan dan langkah-langkah termasuk projek-projek untuk memperbaiki pengangkutan awam di Kuala Lumpur. Apakah matlamatnya bagi semua jenis pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, masalah lalu lintas dan penyediaan kemudahan pengangkutan awam di Kuala Lumpur diletakkan di bawah **Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam**. Ini adalah berikutan, wujudnya fungsi dan peranan antara 13 agensi berkaitan pengangkutan di Kuala Lumpur di mana agensi-agensi tersebut mempunyai perancangan dan pelan tindakan serta kepentingan dan keutamaan yang berbeza.

Walau bagaimanapun, Kementerian Wilayah Persekutuan telah menyediakan satu pelan strategi merangkumi pelan tindakan jangkamasa pendek dan juga jangkamasa panjang untuk mengatasi kesesakan jalan raya dengan **menggariskan 66 Pelan Tindakan bagi Memperkasakan Sistem Pengangkutan Awam dan**

Sistem Lalu Lintas di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Cadangan Pelan Tindakan tersebut telah dipersetujui pada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 September 2008.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah diminta untuk mengetuai pelaksanaan bagi penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang akan bertindak sebagai agensi tunggal bagi memperkemaskan pentadbiran, memperkasakan dan meningkatkan keberkesanan sistem pengangkutan awam darat di Malaysia.

Namun begitu, bagi menangani masalah pengangkutan awam di Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sememangnya menggalakkan sistem pengangkutan awam yang lebih mampan dan mesra alam bagi meningkatkan kualiti kehidupan bandar raya melalui Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DPBRKL2020).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini dan DBKL menyediakan sejumlah peruntukan untuk membina, menaik taraf dan menyelenggara berbagai-bagai kemudahan bagi menggalakkan dan seterusnya meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di kalangan warga kota Kuala Lumpur. Kemudahan-kemudahan ini akan memudahkan serta meningkatkan keselesaan dan aksesibiliti pengguna pengangkutan awam.

Untuk pengguna bas dan teksi, **DBKL memperuntukkan RM3.5 juta pada tahun 2009 untuk menaik taraf dan menyelenggara perhentian bas dan teksi** supaya pengguna bas dan teksi dapat menunggu di tempat berteduh yang selesa dan selamat. Selain daripada itu, sebanyak 1,439 buah pondok menunggu bas dan teksi telah diserahkan kepada 3 syarikat penaja yang bertanggungjawab untuk mempertingkatkan pondok sedia ada kepada pondok baru yang lebih menarik rekabentuknya.

Pengguna sistem rel pula disediakan dengan kemudahan siarkaki yang lebih selesa dan selamat, bersekali dengan kemudahan laluan berbumbung di kawasan sekitar stesen-stesen rel. **DBKL memperuntukkan sebanyak RM2 juta pada tahun 2009 untuk kemudahan laluan pejalan kaki ini.** Lebih banyak laluan pejalan kaki yang komprehensif sedang dirancang untuk beberapa buah stesen transit yang sibuk dengan bilangan pengguna yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, **DBKL sedang mempertingkatkan plaza pejalan kaki di Stesen LRT Masjid Jamek untuk mengintegrasikan laluan LRT Kelana Jaya dengan laluan LRT Ampang / Sri Petaling.** Kerja naik taraf ini dilaksanakan secara berfasa dan fasa pertama telah disiapkan pada penghujung bulan Oktober 2008. Sebanyak RM 5 juta telah dibelanjakan untuk projek ini.

DBKL juga merancang untuk menyediakan lebih banyak kemudahan *"park and ride"* di stesen-stesen transit di luar pusat bandar. Dengan kemudahan ini, lebih ramai orang akan tertarik untuk menggunakan perkhidmatan sistem rel bagi perjalanan harian mereka. Pada tahun 2009, DBKL bercadang untuk memulakan **pembinaan kemudahan *"park and ride"* di Stesen LRT Bandar Tun Razak dengan peruntukan sebanyak RM 2 juta.**

DBKL turut **mengurus dan menyelenggara 2 buah terminal bas antara Bandar, iaitu Hentian Bas Putra dan Terminal Bas Jalan Tun Razak.** Sebanyak RM1 juta diperuntukkan pada tahun 2009 untuk menyelenggara kedua-dua buah terminal bas ini. DBKL juga sedang **menaik taraf Hentian Bas Putra dengan anggaran kos sebanyak RM2 juta.** Kerja menaik taraf ini termasuk kerja-kerja mengecat bahagian dalaman bangunan, memasang CCTV, menyediakan kemudahan untuk orang kurang upaya, menaik taraf papan maklumat perjalanan bas serta menaik taraf surau dan pejabat pengurusan.

SOALAN NO : 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN CHONG ENG

[BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 4 MAC 2009

SOALAN :

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan penduduk yang dijangkiti HIV sehingga tahun ini mengikut pecahan gender dan cara jangkitan. Huraikan trend peningkatan jangkitan di kalangan wanita, khasnya suri rumah tangga dan nyatakan apakah langkah yang paling berkesan untuk mencegah penularan HIV di kalangan wanita.

Tuan Yang di-Pertua,

Kes HIV pertama dikesan pada tahun 1986 dan kumulatif kes HIV sehingga akhir tahun 2008 adalah berjumlah 84,630 kes. Dari jumlah tersebut sebanyak 91.1 peratus adalah lelaki dan 8.9 peratus adalah perempuan.

Tren jangkitan bilangan kes HIV yang dilaporkan telah menunjukkan penurunan berterusan mulai tahun 2003 sehingga tahun 2008. Walau bagaimanapun, peratusan wanita yang dikesan HIV meningkat secara berterusan daripada 1.2 peratus pada tahun 1990 kepada 19.1 peratus pada tahun 2008.

Di kalangan kes HIV wanita, sebanyak 60 peratus adalah berkahwin dan 40 peratus merupakan suri rumah. Punca terbesar suri rumah dijangkiti HIV adalah melalui hubungan seks dengan suami yang telah dijangkiti HIV.

Langkah paling berkesan untuk mengelak jangkitan HIV di kalangan wanita adalah dengan memperkasakan wanita (*empowerment*) supaya menyedari hak-hak mereka serta mampu untuk bertindak melindungi diri daripada dijangkiti HIV dalam apa jua keadaan.

SOALAN NO: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]

TARIKH : 4 MAC 2009

RUJUKAN : 1546

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan supaya permit pekerja asing tidak dikeluarkan pada tahun 2009 untuk memberi peluang pekerja tempatan di dalam mengharungi krisis ekonomi global.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 4.3.2009

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Kuala Langat di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran permit kerja atau Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing belum wajar diberhentikan sekali gus memandangkan keperluan untuk tenaga kerja asing masih wujud terutamanya bagi sektor-sektor seperti pembinaan, perladangan dan pertanian. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah bertindak membekukan kemasukan pekerja asing untuk aktiviti-aktiviti perkilangan berkaitan elektrik/elektronik dan tekstil di samping beberapa subsektor di dalam sektor perkhidmatan. Pembekuan ini dijangka dapat membantu mengurangkan bilangan pekerja asing di dalam negara dan dapat membantu warga tempatan mengisi peluang pekerjaan di dalam kedua-dua sektor berkenaan bagi mengharungi krisis ekonomi yang berlaku sekarang ini.

Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengatasi masalah pekerja-pekerja asing yang telah diberhentikan oleh majikan mereka akibat kemelesetan ekonomi pada masa ini. Buat masa ini, Kerajaan telah mengarahkan agar mana-mana majikan yang ingin menutup operasi atau mengecilkan saiz operasi dan telah memberhentikan pekerja-pekerja mereka mereka agar menghantar pulang pekerja asing ke negara asal bagi mengelakkan mereka berkeliaran tanpa majikan di negara ini sekaligus menimbulkan masalah sosial kepada negara. Penghantaran pulang ini juga akan dapat mengurangkan persaingan terhadap warga tempatan terutamanya yang telah diberhentikan untuk mengisi kekosongan dan peluang pekerjaan yang ada.

SOALAN NO: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]

TARIKH : 4 MAC 2009

SOALAN :

MINTA **MENTERI KERJA RAYA** MENYATAKAN BILAKAH KERJA-KERJA PEMBESARAN DUA JAMBATAN DI BEDONG AKAN DIMULAKAN DAN BERAPAKAH PERUNTUKAN KEMENTERIAN UNTUK TUJUAN TERSEBUT.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, TERDAPAT 2 PROJEK MENGGANTIKAN JAMBATAN DI BEDONG, IAITU DI SUNGAI KEROH SERTA DI SUNGAI BONGKOK DENGAN KOS SEBANYAK RM 6.0 JUTA. PROJEK INI TELAHPUN DITENDER DAN DALAM PROSES PENILAIAN. PERINCIAN PROJEK ADALAH SEPERTI BERIKUT:

NAMA PROJEK	DAERAH	KOS
MENGGANTIKAN JAMBATAN STRUKTUR NO. FT001 / 808 / 50 DI ATAS SG. KEROH.	KUALA MUDA	RM 1.5 JUTA
MENGGANTIKAN JAMBATAN STRUKTUR NO.FT 001 / 807 / 00 DI ATAS SG. BONGKOK.	KUALA MUDA	RM 4.5 JUTA

SOALAN NO: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)

TARIKH : 4 MAC 2009

SOALAN :

MINTA **MENTERI KERJA RAYA** MENYATAKAN :

(I) HASIL KAJIAN YANG DILAKSANAKAN OLEH PIHAK KEMENTERIAN MENGENAI TERMA-TERMA PERJANJIAN KONSESI LEBUHRAYA DI SELURUH NEGARA;

(II) APAKAH TINDAKAN SUSULAN DARIPADA PIHAK KEMENTERIAN SELEPAS PERJANJIAN-PERJANJIAN KONSESI DI BUKA UNTUK TATAPAN ORANG RAMAI.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, SETIAP PERJANJIAN KONSESI YANG DITANDATANGANI OLEH KERAJAAN TELAH MELALUI PELBAGAI PERINGKAT JAWATANKUASA DI UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI. JAWATANKUASA TERSEBUT TURUT DIANGGOTAI OLEH WAKIL DARIPADA AGENSI PERSEKUTUAN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG MEMPUNYAI KEPAKARAN DALAM BIDANG MASING-MASING UNTUK MENGHASILKAN SATU PERJANJIAN KONSESI YANG ADIL DAN SEIMBANG DI MANA KEPENTINGAN KERAJAAN SENTIASA DIPELIHARA MANAKALA HAK SYARIKAT KONSESI DILINDUNGI. ANTARA AHLI BAGI JAWATANKUASA TERSEBUT ADALAH WAKIL DARIPADA KEMENTERIAN KEWANGAN , PEGUAM NEGARA, KEMENTERIAN KERJA RAYA, LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA.

KAJIAN YANG DIJALANKAN MENDAPATI BAHAWA PERJANJIAN KONSESI LEBUHRAYA TOL YANG DITANDATANGANI OLEH KERAJAAN DAN PEMEGANG KONSESI TIDAK BERAT SEBELAH. SETIAP LEBUHRAYA ADALAH UNIK DAN BERBEZA-BEZA PARAMETERNYA. OLEH YANG DEMIKIAN, PELAKSANAAN PERJANJIAN KONSESI BAGI SETIAP LEBUHRAYA ADALAH BERBEZA-BEZA BAGI MEMASTIKAN BAHAWA PROJEK TERSEBUT 'BANKABLE' DAN SYARIKAT KONSESI MAMPU UNTUK MENDAPATKAN PINJAMAN BAGI MEMBIAYAI PROJEK TERSEBUT.

DALAM PADA ITU, KERAJAAN JUGA MENGAMBIL MAKLUM AKAN PANDANGAN ORANG RAMAI TERHADAP TERMA-TERMA PERJANJIAN KONSESI DAN AKAN MENGKAJI SERTA MEMBUAT PENAMBAHBAIKAN TERHADAP TERMA-TERMA PERJANJIAN KONSESI.

SEMENJAK PERJANJIAN KONSESI DIDEDAHKAN, KEMENTERIAN MELALUI SURATKHABAR TELAH MENYENARAIKAN KESEMUA KEMUSKILAN, ULASAN DAN CADANGAN YANG DIBANGKITKAN OLEH AHLI-AHLI PARLIMEN DAN JUGA ORANG RAMAI. KEMENTERIAN INI MENGAMBIL MAKLUM DAN AKAN MENGKAJI SECARA MENDALAM PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN AKAN MEMBUAT PENAMBAHBAIKAN.

WALAU BAGAIMANAPUN, KERAJAAN SENTIASA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH SERTA PERUNDINGAN UNTUK MENAMBAHBAIK PERJANJIAN – PERJANJIAN KONSESI LEBUH RAYA KHUSUSNYA BAGI LEBUHRAYA BARU. ANTARA KLAUSA BARU YANG DIMASUKKAN DI DALAM PERJANJIAN KONSESI ADALAH KLAUSA *TOLL REVIEW MECHANISM* (TRM) DI MANA KLAUSA INI TIDAK MEMBENARKAN KADAR TOL SESEBUAH LEBUHRAYA DINAIKKAN SECARA AUTOMATIK. DI BAWAH KLAUSA INI, SYARIKAT

KONSESI DIKEHENDAKI MEMBUAT PERMOHONAN BERTUJUAN UNTUK MENDAPATKAN KENAIKAN TOL BAGI TEMPOH SETERUSNYA KEPADA KERAJAAN. SEKIRANYA JUMLAH HASIL TOL KUMULATIF SEBENAR YANG DILAPORKAN OLEH SYARIKAT KONSESI ADALAH KURANG ATAU SAMA DENGAN UNJURAN HASIL TOL YANG TELAH DITETAPKAN MAKA KADAR TOL YANG AKAN DILAKSANAKAN ADALAH SEPERTIMANA YANG TERMAKTUB DALAM PERJANJIAN KONSESI.

SEBALIKNYA, JIKA JUMLAH HASIL TOL KUMULATIF SEBENAR YANG DIPEROLEH ADALAH LEBIH TINGGI DARIPADA UNJURAN JUMLAH HASIL TOL, MAKA KADAR TOL BARU AKAN DISEMAK SEMULA DAN DITENTUKAN YANG MANA IANYA ADALAH LEBIH RENDAH DARIPADA KADAR TOL YANG TELAH DITETAPKAN DALAM PERJANJIAN KONSESI. DENGAN PENGGUNAAN FORMULA INI DI DALAM PERJANJIAN-PERJANJIAN KONSESI BARU SEPERTI LEBUHRAYA

KORIDOR GUTHRIE, LEBUHRAYA PENYURAIAN TRAFIK LINGKARAN KAJANG (SILK) DAN LEBUHRAYA SMART, ADALAH DIHARAPKAN KENAIKAN TOL ADALAH LEBIH ADIL KEPADA PENGGUNA JALAN RAYA.

SOALAN NO. 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD

(KOTA RAJA)

TARIKH : 4 MAC 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Kota Raja) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah kerjasama Kementerian dengan Penasihat Khas YAB Perdana Menteri Mengenai Hal Ehwal Wanita dan apakah perancangan-perancangan bersama yang telah dipersetujui dan dilaksanakan untuk menjayakan visi dan misi pembangunan wanita Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara tugas-tugas utama Penasihat Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial kepada YAB Perdana Menteri ialah mengenalpasti isu-isu yang membabitkan wanita dan keluarga Islam dan menjalankan program-program yang sesuai secara kerjasama dengan KPWKM serta mempastikan dasar dan program Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) berjalan lancar.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerjasama yang terjalin antara KPWKM dan Penasihat Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial kepada YAB Perdana Menteri sedang berjalan dengan baik.

3. Antara bentuk kerjasama yang dijalinkan antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan Penasihat Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial kepada YAB Perdana Menteri adalah menerusi mekanisme Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK).

4. Mekanisme MPWK di peringkat negeri dan Kawasan Parlimen berperanan dalam melaksanakan program-program pembangunan wanita dan keluarga untuk masyarakat di peringkat akar umbi. Aktiviti yang dijalankan adalah

berbentuk ceramah, bengkel dan program-program kesedaran yang bertujuan untuk membangunkan wanita dan mencapai matlamat keluarga sejahtera.

5. Selain itu, MPWK juga berperanan dalam mendapatkan maklum balas dan cadangan dari akar umbi berkaitan isu-isu wanita dan keluarga untuk disalurkan kepada Kementerian melalui Penasihat Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial kepada YAB Perdana Menteri untuk tujuan penggubalan dasar dan perancangan aktiviti yang bersesuaian dengan keperluan kumpulan sasar.

6. Pelaksanaan program lain untuk menjayakan visi dan misi Pembangunan Wanita dan Keluarga Islam akan dibincangkan antara KPWKM dan Penasihat Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial kepada YAB Perdana Menteri dari semasa ke semasa. Setakat ini isu-isu yang dikenalpasti diperhalusi dan diputuskan tindakan susulan yang perlu diambil kira oleh kedua-dua pihak.

NO:62

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
(TANJONG)

TARIKH : 4 MAC 2009 (RABU)

NO. SOALAN : 62

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan peruntukan untuk membolehkan negeri Pulau Pinang melaksanakan pelan pengurusan Tapak Warisan Sedunia UNESCO.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pengiktirafan ke atas bandar George Town dan Melaka sebagai Warisan Dunia UNESCO telah menunjukkan bahawa salah satu khazanah warisan negara adalah bertaraf dunia serta diperakui keunikannya. Oleh yang demikian, khazanah warisan yang meliputi warisan ketara seperti bangunan dan monumen dan warisan kebudayaan tak ketara seperti tarian dan seni persembahan yang terdapat di kedua-dua bandar seharusnya dipelihara daripada kepupusan.

Untuk Melaka dan George Town, pihak kerajaan melalui Bajet 2009 telah memberikan sebanyak RM50 juta kepada Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia bagi tujuan konservasi warisan ketara dan tak ketara serta mempromosikan khazanah

warisan di kedua-dua bandar ini. Peruntukan yang diberikan bukan sahaja untuk bangunan tetapi turut meliputi aspek-aspek lain yang meliputi penyediaan perkara-perkara tertentu seperti Garis panduan Konservasi Warisan Ketara, Pelan Pemeliharaan Warisan Kebudayaan Tak Ketara, pendekatan untuk meningkatkan kualiti visual, Pelan Pengurusan Pelancongan, Pelan Pengurusan lalulintas dan pengangkutan serta strategi pemantauan. Bagi tujuan tersebut, surat kepada kedua-dua pihak Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti aspek-aspek berkaitan telah dikemukakan.

Walaubagaimanapun, peruntukan tersebut akan dikongsi secara bersama untuk kedua-dua bandar dan pemberian akan dibuat berdasarkan keutamaan dan keperluan yang akan ditentukan dari masa ke semasa.

Pihak Kementerian percaya bahawa usaha-usaha sebegini akan meningkatkan kedudukan pemeliharaan dan pemuliharaan di kedua-dua bandar Warisan Dunia ini supaya ia dapat dipelihara untuk diwarisi oleh generasi yang akan datang sambil dapat meningkatkan pendapatan negara melalui pelancongan.

NO SOALAN: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]

TARIKH : 4 MAC 2009

SOALAN:

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang untuk menjaga kepentingan hak-hak kaum minoriti di Malaysia memandangkan Kerajaan telah gagal untuk melindungi hak-hak kaum minoriti seperti India, Kadazan, Iban, Orang Asli dan lain-lain.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Pertamanya, Kerajaan menolak sama sekali pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan gagal dalam melindungi hak-hak kaum minoriti. Kerajaan tetap berpegang kepada prinsip dimana hak-hak serta keperluan kesemua kaum di Malaysia senantiasa dilindungi dan diberi perhatian yang sewajarnya. Dalam ini, dasar-dasar Kerajaan dan undang-undang Negara yang telah digubal sememangnya telahpun merangkumi aspek-aspek pemeliharaan kebajikan dan perlindungan hak-hak kaum minoriti.

Oleh yang demikian, tidak terdapat keperluan untuk menggubal undang-undang spesifik untuk melindungi hak-hak kaum minoriti. Pihak-pihak yang membangkitkan isu ini hanya mahu mengeruhkan keadaan ataupun menangguk di air keruh bagi meraih keuntungan politik sempit masing-masing, tanpa memikirkan keperluan untuk memelihara keharmonian antara kaum serta keperluan bagi kita terus bekerjasama dan hidup dengan semangat perpaduan dan tolak ansur yang jitu.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : 4 MAC 2009
SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor dan kakitangan perubatan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di dalam negara khususnya di Sarawak, Kementerian telah mengenalpasti beberapa langkah untuk menangani perkara ini antaranya termasuklah:-

a. Langkah Jangka Pendek:

i. Melantik Pegawai Perubatan secara kontrak dari kalangan Pegawai-pegawai Perubatan yang telah bersara dan dari Luar Negara;

ii. Mengekalkan tempoh khidmat wajib selama 3 tahun

iii. Memperkenalkan elaun dan insentif yang lebih menarik untuk mengelakkan Pegawai Perubatan berhijrah ke sektor swasta;

iv. Memanjangkan waktu perkhidmatan di Klinik-klinik Kesihatan tertentu; dan

v. Menempatkan Pegawai Perubatan yang berasal dari negeri Sarawak di Sarawak.

b. Langkah Jangka Panjang:

i. Bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam menambah bilangan tempat di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di dalam negara untuk menampung bilangan pelajar dalam bidang perubatan yang semakin meningkat;

ii. Bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dengan menawarkan biasiswa untuk pelajar-pelajar yang cemerlang

untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di dalam dan luar negara; dan

iii. Bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam melalui program 'Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Yang Bekerja Di Luar Negara Pulang Ke Malaysia' untuk berkhidmat di hospital-hospital kerajaan dan swasta.

SOALAN NO.: 65

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI AB. HALIM AB. RAHMAN
[PENGKALAN CHEPA]

TARIKH : 4 MAC 2009

SOALAN :

Dato' Haji Ab.Halim Ab.Rahman [Pengkalan Chepa] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan kajian untuk pembinaan empangan Lebir dan Galas yang merangkumi lebih 13,000 kilometer persegi. Berapakah jumlah kawasan FELDA, KESEDAR, FELCRA dan RISDA yang akan tenggelam atau terjejas jika projek ini diteruskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang merancang untuk melaksanakan projek tebatan banjir Lembangan Sungai Kelantan yang mana salah satu komponennya ialah pembinaan Empangan Lebir. Perancangan projek tebatan banjir ini tidak melibatkan Empangan Galas.

Hasil kajian awal mendapati, keseluruhan kawasan yang akan terlibat berikutan pembinaan empangan Lebir adalah kira-kira 210 kilometer persegi. Daripada jumlah tersebut kira-kira 70 kilometer persegi (34%) kawasan FELDA, KESEDAR, FELCRA dan RISDA dijangka akan terlibat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN**
TARIKH	:	**4 MAC 2009 (RABU)**
SOALAN	:	**NO. 66**

Tuan Zukkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

(a) berapakah jumlah pelajar Kolej Masterskill mengikut pecahan pengajian dan kaum; dan

(b) berapakah jumlah pelajarnya yang mendapat bantuan PTPTN dan berapakah amaun yang telah dibayar kepada pihak Kolej Masterskill dan senaraikan butir-butir aduan yang telah dibuat terhadap kolej ini dan apakah tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang berhormat, sehingga 30 Jun 2008 terdapat seramai 11,481 orang pelajar yang mengikuti pengajian di Kolej Masterskill atau kini dikenali sebagai Kolej Universiti Sains Kesihatan Masterskill. Kesemua pelajar tersebut mengikuti pengajian

di peringkat diploma dan ijazah pertama yang dijalankan secara *twinning* dengan IPT luar negara. Daripada jumlah tersebut 9,414 pelajar ialah pelajar Melayu, 290 pelajar Cina, 1,768 pelajar India dan 9 orang pelajar daripada lain-lain kaum.

(b) Sehingga 31 Disember 2008, jumlah keseluruhan pelajar Kolej Masterskill yang telah mendapat pinjaman PTPTN ialah seramai 12,595 orang yang melibatkan amaun pinjaman yang telah dikeluarkan sebanyak RM429.1juta.

PTPTN telah menerima beberapa aduan daripada pelajar berkaitan dengan isu pemotongan insurans kali ke-2 yang dikenakan kepada pelajar Kolej Masterskill. Dalam hubungan itu, bermula Jun 2008, PTPTN telah membuat potongan insurans tambahan pada setiap semester berdasarkan kadar insurans yang telah ditetapkan bagi menampung kekurangan potongan premium dan seterusnya mengurangkan beban pelajar sekiranya membayar sekali gus.

Walau bagaimanapun, para pelajar tidak berpuas hati terhadap tindakan tersebut dan PTPTN telah membuat keputusan untuk membayar balik amaun yang dipotong kepada pelajar yang terlibat. Pembayaran balik tersebut telah selesai sepenuhnya.

SOALAN NO. (67)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
(PASIR PUTEH)

TARIKH : 4 MAC 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jenis-jenis projek Kerajaan Persekutuan yang diberikan kepada pihak berkuasa tempatan di seluruh negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak memberi projek-projek kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walau-bagaimanapun, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan menyalurkan peruntukan pembangunan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Program BP 1 (Projek-Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan), BP 3 (Program Kebersihan), BP 6 (Pembangunan Penempatan Tradisional dan Tersusun dalam Kawasan PBT) dan BP 8 (Local Agenda 21).

Peruntukan-peruntukan ini disediakan bagi membolehkan PBT-PBT melaksanakan Projek-Projek Kecil di Kawasan PBT dan di dalam Kampung Tradisional seperti projek-projek infrastruktur, kemudahan awam dan sosioekonomi serta melaksanakan aktiviti/ program kebersihan seperti pembelian racun kawalan vektor, kempen tandas bersih, kempen kebersihan, dan kempen anti nyamuk.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

NO SOALAN: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 4 MAC 2009

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** minta menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menjadikan zina satu kesalahan jenayah seperti dalam negara India dan Korea Selatan memandangkan zina mendatangkan banyak kesan sosial yang negatif. Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Dalam konteks kesalahan jenayah syariah, Kerajaan sememangnya telah menjadikan perbuatan zina sebagai satu kesalahan jenayah. Ini dapat dilihat dalam peruntukan undang-undang syariah yang digunapakai di mahkamah syariah di semua negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesalahan zina amat dipandang serius oleh Kerajaan dan pelbagai langkah ke arah pencegahan telah diambil oleh pihak Kerajaan. Ini termasuklah menubuhkan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam di peringkat negeri, yang bertindak memantau dan mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak yang terlibat. Selain itu, Bahagian Dakwah JAKIM juga menyediakan pelbagai program kesedaran di kalangan masyarakat tentang kemudaratan perbuatan zina tersebut. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia juga telah mengadakan program "Mahabbah" secara berkala dalam memberikan kesedaran undang-undang dan implikasi ke atas larangan undang-undang kepada masyarakat umum.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

(TUMPAT)

TARIKH : 4 MAC 2009

SOALAN:

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membatalkan dasar penswastaan KTM dan sebaliknya memilik Kerajaannya semula semua operasi pengangkutan rel dalam Negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan masih lagi meneruskan dasar penswastaan bagi mana-mana fungsi dan aktiviti Kerajaan yang boleh mencapai objektif dasar ini termasuklah pengurusan Keretapi Tanah Melayu (KTM). Objektif dasar penswastaan adalah mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan, mengurangkan saiz perkhidmatan awam dan penglibatan secara langsung dalam pasaran, meningkatkan persaingan, kecekapan dan produktiviti, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi serta mencapai sasaran dasar pembangunan.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa bersikap terbuka dengan cadangan-cadangan pihak swasta untuk mengambil alih pengurusan KTM. Walau bagaimanapun, selain mengambil kira faktor *economic viability*, Kerajaan juga mengambil berat kesan kepada rakyat terutamanya kenaikan kos pengangkutan. Sehubungan dengan itu,

sebarang cadangan penswastaan KTM haruslah diteliti dengan mendalam supaya ianya akan menguntungkan Kerajaan dan rakyat sebagai pengguna pengangkutan awam.

SOALAN NO : 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI (TANAH MERAH)**

TARIKH : **4.03.2009**

SOALAN : **Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI (TANAH MERAH)**

Meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan kerusi manakah yang akan disediakan dalam Dewan Rakyat kepada YB. Kepala Batas apabila beliau melepaskan jawatan Perdana Menteri.

JAWAPAN : **Kedudukan Kerusi tersebut akan ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua selaras dengan Peraturan Mesyuarat 2 (2).**

SOALAN NO: 71

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SG. SIPUT]

TARIKH : 4 MAC 2009

RUJUKAN : 1549

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sg. Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tenaga polis dalam 'man-hours' yang digunakan untuk mengawal dan menghalang kempen berbasikal oleh Kumpulan JERIT bulan Disember yang lalu. Adakah penumpuan masa ini wajar memandangkan kadar jenayah yang tinggi di kalangan masyarakat kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sg. Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) telah menganjurkan kempen berbasikal ke seluruh negara mulai 3 Disember hingga 18 Disember 2008. Kempen tersebut melibatkan lebih kurang 150 orang peserta dan diadakan di negeri Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan akhir sekali di kawasan Parlimen, Kuala Lumpur. Pihak polis telah mengadakan kawalan 24 jam seperti sekatan jalanraya, kawalan keselamatan serta kawalan lalulintas sepanjang aktiviti tersebut diadakan. Seramai 1,203 orang pegawai dan anggota polis terlibat dalam mengawal kempen tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya maklumkan di dewan yang mulia ini bahawa bidang tugas pihak polis tidak terhad kepada pencegahan jenayah sahaja, malah ia juga termasuk memelihara ketenteraman awam serta memastikan kelancaran trafik. Oleh itu adalah wajar penumpuan juga diberikan kepada tugas mengawal kempen tersebut.

SOALAN NO.: 72

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 4 MAC 2009

SOALAN :

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tindakan-tindakan Kementerian untuk membersihkan sungai-sungai dan membawa pembangunan yang mampan di sekeliling sungai-sungai di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,vpihak Kementerian menjalankan pelbagai program bagi memulihkan sungai-sungai di seluruh negara ke arah pencapaian objektif sungai yang hidup, bersih dan bertenaga (*clean, living and vibrant rivers*). Program-program khusus yang dijalankan bagi memelihara dan memulihkan sungai-sungai merangkumi dua (2) kaedah iaitu, kaedah pencegahan dan kaedah pemulihan.

Menerusi kaedah pencegahan masalah pencemaran sungai, tindakan pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, Kementerian mengambil pendekatan pengurusan sungai secara bersepadu melalui pelbagai Jabatan/Agensi dengan menetapkan beberapa garis panduan, rujukan, undang-undang, peraturan, polisi dan penyelidikan dan pembangunan (atau R & D) supaya kawasan lembangan sungai yang merupakan kawasan tadahan air dapat diurus, dibangun dan dipelihara dengan baik.

Dalam kaedah pemulihan sungai pula, pihak Kementerian menjalankan pelbagai aktiviti/ projek pemulihan sungai-sungai yang telah dicemari. Di antaranya termasuk:

i. Membina perangkap sampah dan perangkap kelodak serta memasang pelbagai jenis *Gross Pollutant Trap* (GPT) di beberapa sungai;
ii. Mengadakan kawalan kumbahan dan sisa pepejal di punca dengan mensyaratkan semua premis mengadakan sistem rawatan di tempat masing-masing contohnya pemasangan Sistem Penapis Sisa Makanan untuk semua premis makanan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
iii. Menjalankan kerja-kerja pemuliharaan sungai untuk mengembalikan ekosistem sungai;
iv. Menjalankan program 'Satu Negeri Satu Sungai' bertujuan untuk memulih dan mengembalikan sungai serta persekitarannya yang telah tercemar atau rosak (*degraded river*). Ini termasuk mengembalikan kualiti air, regim endapan dan aliran, keratan rentas saluran, hidupan dan tumbuhan akuatik asal (*native*), ciri-ciri semulajadi sungai dan juga ciri-ciri persekitaran sungai. Bagi sungai yang masih belum dicerobohi atau tercemar maka program-program pengawalan dilaksanakan bagi memastikan ekosistem serta sekitarnya dipertahankan dan terpelihara; dan
v. Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai secara berkala bagi mempastikan sungai-sungai terpelihara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membawa pembangunan yang mampan di sekeliling sungai-sungai, Kementerian melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM). IRBM ialah pengurusan dan pengunaan bersepadu tanah, air dan lain-lain sumber semula jadi dan aktiviti di dalam lembangan sungai bagi memastikan pembangunan yang lestari dan produktif. Pendekatan yang meluas ini, bukan sahaja merangkumi aspek sumber air tetapi juga aspek-aspek pengurusan persekitaran terutamanya pengawalan pencemaran, perancangan pembangunan dan pemeliharaan bio-diversiti. Antara kebaikan pelan IRBM ialah:

i. Menyediakan panduan keseluruhan mengenai pengurusan terperinci setiap aktiviti di samping menentukan keutamaan dan keseimbangan antara setiap sektor berkepentingan bagi membantu tindakan agar lebih jelas dan spesifik dalam menangani isu-isu utama;

ii. Merangkumi secukupnya dan mengintegrasikan peraturan mengenai kepentingan air termasuklah kegunaan air, tebatan banjir, rawatan air kumbahan dan pengawalan lembangan dan pengezonan, dan

iii. Menentukan langkah-langkah pengawalan bagi mencapai objektif perancangan dan menggariskan langkah-langkah jangka pendek dan tindakan jangka panjang.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 73

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. HIEW KING CHEU** **(KOTA KINABALU)**
TARIKH	:	**17 FEBUARI, 2009 (SELASA)**
SOALAN	:	**DR HIEW KING CHEU** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan : subsidi beras yang dijual RM1.80 se/kg dalam pasaran, kekurangan dan harga yang tidak tetap bagi subsidi beras akan menyebabkan masalah serius untuk keluarga miskin, serta apakah langkah yang akan diambil untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan mengambil langkah mengawal harga tiga gred beras yang dijual secara runcit dipasaran mulai 1 Jun 2008 iaitu kandungan hancur 15%, 10% dan 5% bagi memastikan harga jualan adalah tetap dan tidak seperti mana yang di dakwa oleh Yang Berhormat. Beras yang mempunyai kandungan hancur 15% ditetapkan dan dikawal harga jualannya tidak melebihi RM1.80 se/kg. Kawalan ini dibuat melalui Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) 1992. Bagi memastikan peruncit mematuhi harga yang ditetapkan. Seksyen Kawalselia Padi dan Beras di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa membuat

pemantauan penguatkuasaan diseluruh negara. Oleh itu isu harga yang tidak tetap atau tidak menentu adalah tidak timbul.

Mengenai bekalan beras bersubsidi, pihak Kerajaan sentiasa memastikan bekalan mencukupi dan tidak bermasalah kepada pengguna terutamanya keluarga miskin seperti mana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Kerajaan mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi menyediakan bekalan beras bersubsidi diseluruh negara. Bekalan tersebut diperolehi melalui pemberian subsidi kepada pengilang di Semenanjung dan melalui bayaran perbezaan harga beras yang diimport bagi Sabah dan Sarawak. Di samping itu kita sudah menambah bekalan stokpail untuk kegunaan di waktu kecemasan.

SOALAN NO: 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]

TARIKH : 4 MAC 2009

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar dan prosedur yang digunakan di dalam pembahagian persempadanan semula kawasan-kawasan Parlimen.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Perkara 113 (2) Perlembagaan Persekutuan, SPR dikehendaki mengulangkaji persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya setiap 8 tahun sekali mengikut prinsip-prinsip dan prosedur yang ditetapkan oleh Bahagian I, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

2. Mengikut peruntukan yang ditetapkan oleh perlembagaan, prinsip-prinsip dan prosedur persempadanan adalah seperti berikut:-

(i) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri.

(ii) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian.

(iii) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan.

(iv) Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

NO: 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[Jelutong]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : 4 MAC 2009 (RABU)

SOALAN : NO. 75

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan kenapa spektrum 2.5Ghz yang diagihkan kepada Maxis, Airzed dan Nasioncomm tidak ditarik balik kerana ketiga-tiga pelesen SKMM ini telah gagal melaksanakan "roll-out programme" masing-masing seperti yang disyaratkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mulai Januari 2008, semua permohonan pemasangan stesen pemancar baru bagi spektrum 2.5GHz tidak lagi diluluskan kecuali untuk tujuan percubaan. Ini termasuklah lesen Airzed dan Maxis, manakala Nasioncomm tidak pernah diagihkan dengan spektrum tersebut. Walau bagaimanapun, pemegang lesen yang mempunyai stesen pemancar sedia ada dibenarkan beroperasi sehingga 31 Disember 2012. Ini adalah bagi memberi peluang kepada mereka untuk merancang peralihan (*migration*) kepada sistem yang lain.

Untuk makluman YB juga, pengosongan spektrum 2.5Ghz selepas 2012 adalah bagi membolehkan spektrum ini diagihkan semula kepada pemegang lesen yang layak dengan menggunakan teknologi yang lebih sesuai dan penggunaan spektrum yang lebih efisien (contohnya WiMAX).

****

SULIT

SOALAN NO: 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]

TARIKH : 4 MAC 2009

RUJUKAN : 1552

PERTANYAAN :

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes yang melibatkan penipuan Kad Pengenalan sejak daripada tahun 1995 sehingga 2008. Nyatakan kes mengikut tahun dan tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Terap yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak **3,745** kes penipuan Kad Pengenalan telah dikenalpasti sejak tahun 1995 sehingga 2008 dengan pecahan seperti berikut:

TAHUN	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001
JUMLAH KES	159	189	115	92	114	210	223

TAHUN	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008
JUMLAH KES	148	413	770	351	370	190	401

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kesemua yang tertuduh dalam kes ini telah didakwa di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) serta Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1959 (Pindaan 2007). Bersabit kesalahan, orang-orang tertuduh boleh dihukum dibawah Peraturan 25(1) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1959 dengan membawa hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000.00 atau kedua-duanya sekali. Jabatan Pendaftaran Negara akan terus membanteras kegiatan penipuan kad pengenalan melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang sedia ada dengan lebih berkesan.